


Jilid I
Bil. 46



Hari Juma'at
7hb Januari, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 5207]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 5242]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbadanan Kemajuan Pelanchongan Malaysia [Ruangan 5244]

Rang Undang² (Perbadanan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 5291]

USUL²:

Uchapan Penanggohan—

Keruntohan Tanah di-Telok Anson [Ruangan 5296]

Muhibbah [Ruangan 5298]

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 7hb Januari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Pertanian, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kerja Raya dan Kuasa Letrik, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD
(Samarahan).

- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEFF AHMAD (Langat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- .. DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- .. DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- .. CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- .. TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

- Yang Berhormat TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei)
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

Yang Berhormat TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).

Yang Berhormat TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

- .. TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- .. TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- .. TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- .. TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- .. TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- .. TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- .. TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- .. TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- .. TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).

- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- .. NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- .. DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- .. Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- .. DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- .. TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- .. TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- .. DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

- „ Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MALAYSIA SA-BAGAI NEGARA JUDI—ANGGAPAN PELANCHONG²

1. Tuan Su Liang Yu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelanchong² Malaysia menganggap Malaysia sa-bagai Negara Judi di-Asia Tenggara dengan ada-nya Lumba Kuda, loteri² Kebajikan Masyarakat, Sport Toto, 3 dan 4 Nombor Ekor di-seluruh negara ini. Jika demikian, apa-kah tindakan yang akan di-ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Speaker, saya tidak pernah mendengar ada pelanchong² yang menganggap Malaysia sa-bagai Negara Judi di-Asia Tenggara. Kemudahan² perjudian di-sini tidak-lah dapat di-bandingkan dengan kemudahan² yang terdapat di-tempat² lain seperti Macao yang terkenal sa-bagai pusat perjudian di-Asia. Tambahan pula perjudian di-negara ini di-kawal rapi oleh Kerajaan dan dengan ini benchana² yang tidak di-ingini juga dapat di-kawal.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa perjudian² telah di-luaskan oleh Kerajaan Negeri masing²

sa-bagai lesen hiburan? Di-bawah lesen hiburan perjudian telah berlaku di-beberapa tempat mithal-nya di-Kuala Lumpur. Jika Menteri sedar apa-kah langkah Kerajaan Pusat akan ambil untuk menghapuskan perjudian ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perkara yang sademikian berlaku saya perchaya pihak Polis akan mengambil tindakan terhadap pihak² yang berkenaan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya berkenaan dengan judi ini juga. Pegawai² Daerah di-dalam sa-suatu daerah bagi satu² Negeri mengeluarkan lesen² judi, jadi ini bukan-lah judi besar—tidak, judi kechil untuk orang² yang tidak berwang—habis pergi ka-tempat itu, ada-kah Menteri yang bertanggung-jawab boleh menyekat supaya judi ini jangan merebak, berleluas di-satu² Negeri?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyekat melainkan saya berharap perkara ini akan di-ambil perhatian oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya dapat di-ambil tindakan yang keras oleh Polis.

Dato' S. P. Seenivasagam: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, will the Minister state whether Government has approved or is considering the approval of any more casinos in West Malaysia?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Sir, so far we have only approved two and I do not think the Government is considering approving more.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, over the last few months we find quite a number of pin-tables gambling almost in every street of Kuala Lumpur and in other parts. Will the Government take appropriate action to control this because even young students from schools are being encouraged to gamble in these pin-tables, which we find in almost every street?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, the question of pin-tables actually is outside the scope of this question, but I will certainly draw the attention of the authorities concerned to this.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister tell the House whether the Genting Highlands Casino is only meant for tourists? If so, how come the majority of its patrons today are local people and this is causing quite a great concern to the people because of the heavy gambling involved by the local population?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, the Genting Highlands Casino is open to all tourists—domestic as well as international. (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian yang berkenaan sedar oleh kerana biak-nya judi dalam negara ini sa-hingga budak² sekolah sendiri hari ini sudah dapat latehan main judi ia-itu dengan jalan di-simpang² sekolah ada penjual² yang memberi tikam ekor dengan 5 sen boleh dapat sa-bungkus rokok, atau pun barang² yang lain, ada-kah Kerajaan akan bertindak kepada penjual² loteri ekor di-simpang² sekolah diseluruh tanah ayer pada hari ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Kalau ada begitu barangkali sahabat saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengambil tindakan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri yang berkenaan telah menerangkan Kerajaan Pusat akan memberi lesen kepada dua casino di-negara kita—

satu ia-lah di-Genting Highlands, boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan di-mana-kah Kerajaan Pusat akan melesenkan sa-buah casino lagi dan ada-kah Menteri yang berkenaan sedar satu casino sudah menchukopi di-negara kita, kalau dua maka beberapa keluarga lagi akan berpechah oleh sebab suami atau isteri atau kedua²-nya pergi bermain dan hilang gaji atau harta di-casino?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, chuma satu lagi casino yang akan di-benarkan ia-lah di-Pulau Pinang dan sa-bagaimana saya katakan tadi Kerajaan tidak berhajat hendak membenarkan lebeh daripada dua seperti yang telah di-benarkan itu. Tentang soal ada-nya berlaku pergadohan dan sa-bagai-nya di-antara suami dan isteri bersangkutan dengan casino ini, saya belum dengar lagi atas perkara ini berlaku kerana kita telah mengadakan sekatan, ia-itu sa-saorang yang hendak pergi main judi di-casino itu mesti-lah meletakkan deposit yang chukop besar—\$100.00 kalau saya ta' salah, ia-itu menunjokan kata bahawa dia ini sanggup, dia ini ada wang yang sa-chukop boleh bermain judi. Kalau macham orang biasa seperti kita Ahli² Parlimen (MP) saya ingat kita semua ta' sanggup.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar di-Pulau Pangkor penduduk² di-sana menyatakan Kerajaan Pusat akan membenarkan casino di-sana.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kalau ada, saya ingat Ahli Parlimen dari Sitiawan tentu tahu.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Soalan tambahan. Dalam kajian atau pandangan Yang Berhormat Menteri itu berapa ramai-kah barangkali pelachong dari luar negeri datang ka-Malaysia dengan sebab ada-nya satu Casino di-Genting Highlands?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya belum buat statistics lagi atas perkara ini, tetapi daripada apa yang saya lihat, orang² yang pergi ka-Genting Highlands itu ia-lah kebanyakan-nya datang daripada luar negeri, daripada Singapura dan ada juga daripada Hong Kong yang datang ka-sini untuk main judi.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister tell the House whether the object of encouraging gambling is to attract tourists to come into this country or to encourage revenue as a sort of income to this country or to make the gamblers who have plenty of money to become bankrupts?

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, perhaps I might explain to Honourable Members the general policy of the Government in respect of the licensing of casinos. We have taken a decision to license casinos only in hill resorts or in offshore islands which are fairly inaccessible to the bulk of our population and because of that the only place which at present has a casino is Genting Highlands. Honourable Members may probably not be aware that originally the deposit for Malaysians, that is persons holding Malaysian passports, was \$100. We then discovered that there was quite a rush to gamble. Hence we laid down there additional conditions. Recently, the deposit was doubled to \$200. One of the regulations we have laid down is that those who gamble have to wear certain forms of clothing and that would, I think, automatically exclude the lower income groups. Thirdly, the tax was trebled with one stroke of the pen: whereas previously the tax was \$1,000 per day it is now \$3,000 per day. Now, the Government is watching the situation very closely. If it is necessary to do more to discourage those who have no business to go there from going there, more will be done. I can give the House an undertaking on this point. In fact, we in the Government are as concerned about the social repercussions as any Honourable Member opposite.

With regard to the casino on Penang Hill, that was unavoidable because we are very anxious to develop Pulau Langkawi and as Honourable Members are aware, putting up a hotel complex, especially a modern and expensive hotel complex on Pulau Langkawi is not exactly an economically viable proposition. Hence, in order to encourage the development of Pulau Langkawi, we had to promise a casino to whomsoever would put up this complex in Pulau Langkawi. We have got a taker at the moment and hence we have to keep to our part of the bargain—that is, allow the operation of a casino at Penang Hill—and that is the reason for this second

casino. But as my Honourable friend, the Minister of Trade and Industry has pointed out, it is highly unlikely that any further casino will be licensed unless it is in an area which is clearly inaccessible to the bulk of the Malaysian population.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Sir, is the Honourable Minister of Finance aware that Islam being the official religion of this country—and in the eyes of Islam gambling is “haram”—therefore far from encouraging gambling, the Honourable Minister, although he is not a Muslim, should try and discourage people from gambling and to that extent he should close the casino at Genting Highlands rather than allowing it to operate

Tuan Yang di-Pertua: Is this a question or a speech? (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: No, the question that I am asking the Minister is that the Honourable Minister of Finance should close the casino at Genting Highlands rather than allowing it to exist and perhaps expand and then licensing another one at Penang Hill, thereby bringing more misery to the people of this country.

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I think the Honourable Member is not aware of the fact that even in Lebanon, which is a Muslim country, there is an even bigger casino. I would recommend the Honourable Member to pay a visit to Beirut. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I have to inform the Honourable Minister that I have been to Beirut. Perhaps the Honourable Minister is not aware that in Lebanon there are Christians and there are Muslims. It is not exactly a Muslim country—I beg to correct that—and in any case we should not copy Beirut or Las Vegas. We should have our own standards of morality in this country.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, for the information of the Honourable Member, most of the people who go to the casino at Genting Highlands here are non-Muslims. (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Will the Honourable Minister then prohibit Muslims from visiting Genting Highlands?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Well, I do not want to be bigger than the Koran. The Koran does prohibit gambling and it is up to the Muslims to use their discretion. (*Ketawa*).

Dato' S. P. Seenivasagam: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we were told that the regulations as to dress are a somewhat effective deterrent, but is the Minister aware that an approved dress now is a long-sleeved batek shirt which costs \$10 or less?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, as I have stated already, the Government has imposed three additional conditions lately and I think it is safe to say that on the whole, the number of patrons visiting the casino at Genting Highlands has dropped significantly, particularly those holding Malaysian passports.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Speaker, saya ingin mendapat keterangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ada-kah pihak Kerajaan sedar bahawa sa-sunggoh-nya dengan membanyakkan judi di-negara kita ini mengikut kata sa-bahagian besar ulama² Islam di-negara kita ini, itu menyebabkan datang-nya banjir yang bertambah² di-negeri ini? (*Ketawa*).

Tuan Mohamed Khir Johari: Nampak-nya kalau begitu-lah betul, barangkali orang² di-negeri Kedah chukup baik dengan sebab itu banjir ta' terdapat di-negeri Kedah (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Speaker, apa-kah usaha² yang di-buat oleh Kerajaan supaya satu peringkat ka-satu peringkat pihak Kerajaan dapat mengkon-trolkan sedikit demi sedikit judi² yang ada di-negara kita?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya sebutkan dalam jawapan saya tadi bahawa Kerajaan kita ada-lah memandang berat tentang kawalan berkenaan dengan judi ini dan dari satu masa ka-satu masa Kerajaan kita mengambil tindakan yang tegas bagi menghapuskan judi² yang tidak ada berlesen.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar Kerajaan Pusat tidak mengawal perjudian di-negara kita oleh sebab mula² ada horse racing sahaja, sekarang ada Toto, ada empat ekor, ada tiga ekor (*Ketawa*) mana-kah Kerajaan mengawal-nya—Kerajaan Pusat meluaskan perjudian di-negara kita ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya tidak kata tidak ada, tetapi saya kata Kerajaan mengawal ia-itu dengan ada syarat² dalam lesen-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jaminan daripada Menteri yang berkenaan, ada-kah Kerajaan hendak mengurangkan sedikit demi sedikit jangan mengawal yang bererti membanyakkan? Bahkan mengurangkan sedikit demi sedikit judi di-negeri ini supaya banjir tidak datang dengan banyaknya (*Ketawa*).

Tuan Mohamed Khir Johari: Fasal hendak mengurangkan itu-lah Yang Berhormat Menteri Kewangan telah meletakkan satu new tax on betting dalam ucapan budget-nya semalam.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) It is generally known that gambling is bad for the people of a country. The question is, would the Honourable Minister agree with this, and if so, whether the Minister would consider abolishing gambling whether legal or otherwise?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) The Honourable Member is asking for my personal opinion. If he asks for my opinion, I am against gambling although I sometimes buy some lottery tickets—that is, because I want to do some charity. (*Ketawa*).

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Will the Minister tell us whether the stage of gambling in this country has reached the point where it might corrupt the morals of this country and also affect the productivity of this country?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, that is a matter of opinion.

PASOKAN TENTERA UDARA DI-RAJA MALAYSIA—BILANGAN BUMIPUTRA SABAH

2. Tuan James Stephen Tibok minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa bilangan Pemuda² Bumiputra di-Sabah yang telah diterima berkhidmat dalam Pasokan Tentera Udara di-Raja Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen): Dato' Yang di-Pertua, sa-takat ini tidak ada pemuda² Bumiputra dari Sabah berkhidmat dalam Pasokan Tentera Udara di-Raja Malaysia. Pengambilan orang² baru untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia telah di-adakan di-Sabah dari sa-masa ka-samasa tetapi tidak ada chalun² yang di-temuduga mempunyai kelayakan yang di-perlukan untuk berkhidmat dalam Pasokan Tentera Udara di-Raja Malaysia.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Ada-kah Kerajaan Pusat atau Kementerian Pertahanan mengambil langkah supaya pemuda² di-Malaysia Timor yang ada kelayakan untuk memasuki tentera udara di-negara kita?

Tengku Ahmad Rithaudeen: Dato' Yang di-Pertua, ini ada-lah saya rasa salah satu daripada dasar pelajaran Kerajaan kita yang mana sa-takat mana yang boleh bagi pemuda² kita yang mendapat kelayakan², kebolehan yang sa-wajar-nya, kelayakan itu untuk boleh masuk di-dalam Angkatan Tentera Udara kita. Saya suka menyatakan lagi, Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Angkatan Tentera Udara, kita pilih orang² ini kebolehan yang satinggi²-nya ma'alom-lah kita jadi pemandu kapal terbang ini kita hendakkan orang² yang begitu mahir, kecekapan dan kebolehan yang sa-berapa tinggi. Jikalau di-bandingkan dengan kebolehan² untuk Angkatan Tentera Darat atau pun Laut.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Timbalan Menteri Pertahanan menyatakan di-Malaysia Timor langsung tidak ada pemuda² yang ada kelayakan dan kebolehan untuk memasuki tentera udara? Jikalau jawapan-nya ada pemuda² kita, apa-kah tindakan Kementerian Pertahanan akan ambil untuk menggalakkan pemuda² di-Malaysia Timor memasuki tentera udara?

Tengku Ahmad Rithaudeen: Dato' Yang di-Pertua, kelayakan² kita telah buat di-dalam akhbar² dan di-sekolah² supaya mereka ini mengambil bahagian di-dalam temuduga yang di-adakan oleh pihak Kementerian Pertahanan di-Sabah atau pun di-Sarawak. Tetapi sa-tengah² daripada pemuda² yang ada kelayakan mungkin suka menjadi professional yang lain, bukan menjadi juruterbang di-dalam Angkatan Tentera Udara Malaysia kita.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Kementerian Pertahanan menghantar rombongan atau recruiting team ka-Malaysia Timor supaya pemuda² Tingkatan VI di-sana boleh tahu yang mereka boleh masuk bukan sahaja tentera udara bahkan juga tentera laut dan lain²?

Tengku Ahmad Rithaudeen: Dato' Yang di-Pertua, banyak sangat peluang.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Will the Minister please tell the House whether he is satisfied with the present intake of recruits into the Royal Malaysian Air Force in order to ensure that our present air defence is sufficient to protect our territories?

Tengku Ahmad Rithaudeen: Dato' Yang di-Pertua, saya rasa, pertanyaan itu tidak berthabit dengan soalan ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah qualification atau pun pengetahuan yang dikehendaki bukan untuk menjadi pilot di-sini tetapi untuk memasuki dalam pasokan Tentera Udara di-Raja untuk bumiputra di-Sabah atau di-Sarawak?

Tengku Ahmad Rithaudeen: Dato' Yang di-Pertua, saya pun sudah menjangka, atau mungkin akan di-tanya dalam soalan ini. Untuk pemandu kapal terbang, kelulusan yang kita berkehendakan ia-lah:

Warganegara Malaysia dan berumur di-antara 17½ hingga 21 untuk tauliah tetap dan 18 hingga 25 tahun untuk tauliah jangka pendek. Tuboh mesti sehat.

Kelulusan sa-kurang²-nya Sijil Pelajaran Malaysia—S.P.M., Malaysia Certificate of

Education—M.C.E., Overseas School Certificate dengan mendapat:

- (1) Lulus Bahasa Malaysia
- (2) Kepujian Ilmu Hisab
- (3) Kepujian Sains Am, atau
- (4) Lulus Bahasa Malaysia II
- (5) Kepujian Ilmu Hisab
- (6) Lulus salah satu daripada mata pelajaran berikut:

Sains tambahan, fisik, kimia.

Lulus dalam ujian² berikut pula:

Ujian mata, mesti mata bagus. Kita tidak mahu blind—colour blind. Kalau biru kata hijau, hijau jadi biru, susah-lah.

Aircrew Medical Test dan test E.N.T.—Ear, Nose and Throat.

Tuan Fan Yew Teng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan asal ini ia-lah mengenai pemuda bumiputra, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri ini ada-kah Yang Berhormat Menteri tidak menganggap dasar recruitment memasoki perkhidmatan² pertahanan kita patut kita beri peluang atau perhatian yang pertama kepada bumiputra yang asal di-negeri ini—orang Asli, kerana ada banyak orang Asli di-negara kita yang tidak ada kerja.

Tengku Ahmad Rithaudeen: Dato' Yang di-Pertua, ini soalan lain daripada apa yang di-tanya. The question of relevancy must be really of essence in every question asked.

Tuan Goh Hock Guan: The Honourable Minister just now mentioned about the difficulties of getting recruits to drive our very sophisticated aeroplanes and the very high standards which they have imposed to ensure that they get the right recruits into our Air Force. Now, in view of these demands, is it not a bit premature for the Government now to consider purchasing such highly sophisticated gadgets as the Mirage Jets?

Tengku Ahmad Rithaudeen: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini ada-lah soalan yang lain. Tetapi saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat leave the matter of judgement, assessment to the Government concerned.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub: Bukan-kah telah ada belia² daripada Sarawak di-ambil berkhidmat dalam Pasokan Tentera Udara dan sekarang bekerja sa-bagai pilot?

Tengku Ahmad Rithaudeen: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang mana saya ketahu, ada.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Apa-kah kelulusan bagi memasoki dalam Pasokan Tentera Udara di-Raja Malaysia? Bagaimana yang saya faham jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu ia-lah menjadi pilot—juruterbang.

Tengku Ahmad Rithaudeen: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau soalan lain, ta' payah jawab!

Tengku Ahmad Rithaudeen: Ya.

FILEM MELAYU "DURJANA"— MENGHARAMKAN

3. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kenapa Kerajaan mengharamkan filem Melayu "Durjana" dan apa-kah beza-nya dengan filem "Sex and Life" atau filem lain yang datang dari Barat.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Speaker, mengikut Undang² "Cinematograph Films 1952" Lembaga Penapis Filem mempunyai kuasa untuk mengharamkan filem yang di-dapati tidak layak atau sesuai untuk di-tayangkan di-Malaysia. Sa-telah mendapati bahawa filem "Durjana" ini tidak sesuai maka Lembaga Penapis Filem telah mengharamkan filem tersebut. Pihak pengeluaran Filem ini telah membuat rayuan kepada Jawatan-kuasa Rayuan yang di-tubuhkan di-bawah Undang² yang tersebut. Jawatan-kuasa Rayuan sa-telah menyaksikan Filem telah menolak rayuan ini berasaskan dengan sebab² yang sama.

Ada-lah terdapat perbezaan di-antara "Sex and Life" dengan "Durjana". Filem "Sex and Life" berchorak pelajaran mengenai sex, manakala filem "Durjana" pula mengesahkan kumpulan samseng di-sapanjang² cherita-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa filem "Sex and Life" ini ada-lah melahirkan perasaan yang kurang baik di-kalangan penuntut² khas-nya dari kalangan muda-mudi?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu fikiran masing² sahaja.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika pehak pengarah filem Durjana ini membuat beberapa pindaan di-potong atas babak² yang sesuai dan layak, ada-kah bagi pehak Kementerian ini bermurah hati menarek balek pengharaman itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu boleh di-timbangan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa bersamaan juga dengan filem Durjana yang telah di-haramkan itu ada filem² daripada Barat yang di-tayangkan di-Malaysia yang menggambarkan cherita² jenayah dan sa-bagai-nya yang banyak tidak di-haramkan oleh Kerajaan kita. Ada-kah pehak Kerajaan berchadang pada masa yang akan datang akan di-haramkan filem² yang berbau jenayah atau pun yang berbau keruntohan, mendatangkan kerosakan akhlak kepada masharakat kita?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, filem² yang di-tayangkan dalam Malaysia ada-lah di-tapis oleh Censor Board. Jadi atas kuasa mereka-lah sama ada membenarkan tayangan itu.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Ada-kah kemungkinan Kerajaan menghalang orang Islam menengok filem sa-bagai "Sex and Life" itu, seperti Ahli Yang Berhormat dari Dungun di-halang beliau menengok filem ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kementerian tidak ada halangan. Itu atas fikiran masing² sahaja.

RUMAH² MURAH YANG TIDAK DI-ISI—JUMLAH YUNIT

4. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah yunit rumah² murah yang telah siap hingga bulan Mei, 1969 tetapi maseh lagi tidak di-isi, beri angka² mengikut tempat.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, ada-lah di-angap bahawa Ahli Yang Berhormat bermaksudkan Sekim² Ranchangan Kilat yang telah di-siapkan pada bulan Mei, 1969 dan dari maklumat² yang telah di-perolehi daripada Kerajaan² Negeri, bilangan yunit yang belum di-untokkan atau pun di-isikan ada-lah seperti yang di-tunjokkan di-bawah ini:

Negeri	Sekim	Bilangan Yunit dalam Sekim	Bilangan Yunit yang belum di-untokkan
--------	-------	----------------------------	---------------------------------------

Kedah	Karangan	32	5
-------	----------	----	---

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister give an undertaking to this House that in future, Government will not enter into crash housing programme just a few months before the General Election and after the election is over, all these houses lie there, half-cracked and some are falling down, and lalang grown all over around the place? Would the Government give such an undertaking then?

Tuan Mohamed bin Yaacob: (*Dengan izin*) We did not practise as the Honourable Member intended to convey.

Tuan Goh Hock Guan: I think it is forgiveable because the Minister who answered the question just now was not the Minister of Housing before. So I think he is

Tuan Yang di-Pertua: Will you stick to supplementary questions, please?

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir, I was just coming to that. I think the ignorance is forgiveable, but I think the facts would show that a lot of these low-cost houses were built

just before the election to get the votes, and because of that urgency, the problems were not studied properly. So these houses are lying there. So would the Government give an undertaking that this kind of ill-advised ventures will not be entered into again?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, could the Honourable Member give evidence or give a statement to support his allegation?

Tuan Goh Hock Guan: Yes, Sir. Tuan Speaker, I am happy to supply the information to the Minister and after that I hope an undertaking will be given.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Is the Honourable the Deputy Minister aware that this Perumahan Kilat, although built in 1969, all of them were not occupied in 1969 and in 1970 only some of them were occupied, and, as the Honourable the Deputy Minister himself admitted, in Kedah there are still five which are unoccupied. As such, will the Honourable the Deputy Minister assure this House that public funds will not be wasted on such projects in future?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Yes, we can give that assurance, Tuan Speaker.

ISTERI BANDUAN BERMALAM DENGAN SUAMI—MEMBOLEHKAN

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bila-kah di-jalankan ranchangan untuk membolehkan isteri banduan bermalam dengan suami mereka dalam penjara; dan
- (b) bagaimana-kah chara-nya yang ditetapkan untuk menjalankan ranchangan ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Speaker, perkara tersebut masih dalam kajian dan belum lagi ada sa-suatu keputusan di-buat.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerima pengaduan² daripada orang² yang di-penjarakan

berhubung dengan keperluan mereka supaya di-benarkan isteri mereka bermalam bersama mereka?

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Hajj): Tuan Yang di-Pertua, atas soalan ini bukan orang banduan sahaja yang berkehendakkan itu, semua orang berkehendakkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya rayuan² atau pun permintaan² daripada orang banduan untuk perkara yang tersebut, ada-kah tidak?

Tun Dr Ismail Al-Hajj: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka buat rayuan kita tahu juga-lah, chuma mereka tidak buat rayuan. Kita tahu-lah semua mereka berkehendakkan yang itu. Ini yang sedang di-kaji.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Is the Honourable Minister aware that at the Seremban Jail the wife of a warder has offered her services to prisoners to meet their wives for a certain fee—\$40 or \$50 for each prisoner—and if he is not aware, would he investigate such an incident or incidents occurring at the Seremban Jail? I would say here that the question here has a point in that there should be investigations into a more humane method of supervision of prisoners in this country so that they can conform without having to be extorted by unscrupulous warders who use their position to gain money.

Tuan Mohamed bin Yaacob: I am not aware of that, but if the Honourable Member will make a report to the Police, we can investigate into it.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Is it true that one prisoner by the name of Mahesan, who was jailed for cheating the Government Servants' Co-operative Housing Society, is being given special treatment, and if so, why is he a V.I.P. prisoner?

Tuan Mohamed bin Yaacob: That is a different question, Tuan Speaker.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi perhatian bahawa melancarkan ranchangan conjugat

visits ini dahulu-nya ia-lah untuk political detainees bahawa saya fikir kalau ranchangan itu di-laksanakan, banyak ahli² politik yang bujang sekarang tidak akan takut lagi untuk berkahwin?

Tuan Yang di-Pertua: Different question?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, that is a different question. (*Ketawa*).

TANAMAN MODAL AFRIKA SELATAN

6. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Kewangan berapa banyak-kah modal Afrika Selatan telah di-tanamkan dalam negara ini dengan sa-chara terus menerus atau sa-chara tidak terus menerus.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, pelaburan modal daripada Afrika Selatan ada-lah amat sedikit. Dalam tahun 1970, dari jumlah modal yang di-bayar sa-banyak \$299 juta yang di-laborkan dalam perusahaan² perintis, hanya \$1,900 sahaja datang dari Afrika Selatan.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Is it a fact that the Rothmans in this country has South African capital?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I do not think the Honourable Member knows what he is talking about.

Tuan V. David: Is it the policy of this Government to allow South African capital to come into this country in view of its policy towards South Africa?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the policy of this Government is very clear and it has been followed.

Tuan V. David: That this Government allows South African capital to flow into this country?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, it is very unfortunate that the Honourable Member does not seem to understand simple language. I tried to explain to him that it is the Government's policy not to allow South

Africans to participate in the economic, commercial and industrial life of this country and we have followed that policy.

Tuan V. David: If we find that there is South African capital in this country and if we do report to the Minister concerned, will he take appropriate action without fear or favour?

Tun Tan Siew Sin: For once he is making a sensible suggestion and I accept it (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Is the Honourable Minister aware that because of the ramifications of big capital in the developed countries, particularly in America—for example, a big business in America has ramifications in South Africa—because of that, is the Honourable Minister aware that South African capital, because of the international ramifications, may well find its way into this country? Is he not aware that in the American Press a very prominent bank in this country is being chastised by the American public for its ramifications in South Africa?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I agree that it is possible that if, for example, a giant international firm were to invest in this country, one or two of the shareholders could well be South African citizens. That is possible and that is the reason why, in fact, this \$1,900 worth of capital came in because there was a small shareholding by a South African subsidiary of the parent company. But we are aware of such cases and we certainly do what we can to stop it.

I might inform the Honourable Member that we in the Treasury, for example, foresaw the recent currency realignments and a few years ago it was suggested to me that we could buy South African gold shares because they were obviously going to go up, but although it was a sure thing in the sense that if we had bought the shares we could not possibly lose, still we did not buy a single South African gold share.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) In view of our strong antipathy towards the apartheid policy of South Africa and while, Sir, you are not sure whether there is any South African capital in this country, could

you tell the House whether there is any Malaysian capital being invested in South Africa?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, that is a different question. I require notice of it.

K.W.S.P.—PEKERJA/MAJIKAN MENCHARUM

7. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa jumlah pekerja dan majikan yang mencharum kepada K.W.S.P. dan jumlah simpanan mereka; dan
- (b) berapa orang telah di-benar mengeluarkan satu-pertiga simpanan mereka dan berikan alasan²-nya.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung bulan Oktober, 1971 jumlah pekerja² dan majikan yang mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja masing² berjumlah 2,044,288 dan 59,900 orang dan jumlah besar charuman mereka serta faedah terkumpul (accumulated interest) ia-lah \$2,319,415,569;

(b) Pekerja² mempunyai hak berkanun mengikut Sekshen 13 (1A) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 untuk mengeluarkan satu-pertiga daripada jumlah wang mereka apabila mencapai umur 50 tahun. Bilangan pengeluaran² demikian yang telah di-bayar sa-hingga penghujung bulan Oktober, 1971 ia-lah 67,801.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) There has been a frequent demand from the workers and trade unions that the contributors should be given loans from their E.P.F. contributions to purchase houses. Of course, this is done in Singapore. Will the Minister consider this aspect seriously?

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I have already told the House that the Government is thinking about this matter and I have nothing further to add.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) The ladies who have served the Government on their retirement at 45 years of age are not allowed to withdraw their contributions to

the E.P.F. They have to wait for another 10 years. Would the Government consider allowing them to withdraw their contributions when they retire at 45?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, we are looking into this matter.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah pihak Lembaga ini membayar bunga atau faedah kepada pekerja² atau penyimpan² wang dalam Perbadanan ini pada tiap² akhir tahun?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, we have, in order to assist those who might want to withdraw some money for the purchase of a house or something like that before they retire, considered cases of this kind and that was why a few years ago we allowed contributors to withdraw one-third of the amounts due to them on reaching the age of 50. I have informed this House that the original intention was in fact to allow them to withdraw this money for the purpose of building a house but it was found that it was too complex to administer and hence the simple way out. Now, whether we should go further or not is a different matter. I am personally sympathetic, but there are many problems to be surmounted before we can go further.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Just now the Honourable Minister told us that he is considering allowing more withdrawals, if I heard him correctly, for the purposes of buying houses and that he is considering also the question of females withdrawing their deposits on retiring from Government Service at the age of 45. Can the Honourable the Minister assure this House that a decision on these two important aspects will be taken before the end of this year, instead of telling us that his matter is under consideration?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, I can assure this House that I am taking a personal interest in this matter and in point of fact, a few days ago I had a preliminary report from the E.P.F. Board. But as I have tried to inform Honourable Members of this House, this problem is more complicated than it appears and it may not be possible to go as far as they, and even we on this side of the House, would like to go.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Why is the problem so complicated?

Tun Tan Siew Sin: The Honourable Member would know if he were in my position.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) Sir, in certain countries there are unemployment benefits. In our country we don't have such a scheme. If an employee who has got a family to support before he reaches the retirement age is thrown out of a job suddenly, would the Government consider paying out a certain amount of E.P.F. contribution to him?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, the Honourable Member should know without asking this question that there is a vast difference between a Provident Fund and an Unemployment Benefit Scheme. If you want to turn a Provident Fund into an Unemployment Scheme, obviously it will no longer be a Provident Fund.

BIRO INSURAN MOTO—MANGSA² KEMALANGAN

8. **Tuan Richard Ho Ung Hun** minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai mangsa² kemalangan jalan raya tidak dapat menuntut bayaran ganti-rugi di-sebabkan pemandu² yang melanggar mereka tidak berhenti sa-lepas kemalangan itu dan dengan demikian mereka tidak dapat di-kenali. Jika ya, sama ada Menteri itu akan berunding dengan Biro Insuran Moto supaya mangsa² tersebut akan mendapat bayaran yang berpatutan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku kemalangan yang sa-umpama itu, maka pehak yang di-timpa kemalangan itu atau keluarga-nya atau pehak yang mewakilinya boleh-lah melaporkan kepada Biro Insuran² Motors Malaysia Barat supaya perkara itu boleh di-kaji. Jika telah di-jalankan penyiasatan Biro Insuran Moto berpuas hati bahawa kemalangan itu ia-lah sa-benar-nya kemalangan di-mana pemandu yang menyebabkan kemalangan itu melarikan diri, maka Biro Insuran Moto akan menimbangkan bayaran sagu hati yang berpatutan.

Dr Tan Chee Khoon: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister make use of his good offices to get the police to investigate all these cases and where there is evidence that there is a hit-and-run accident resulting in the death of an innocent party on the road, will the Honourable Minister persuade the police to bring it to the attention of the Motor Insurance Bureau?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu saya akan run-dingkan dan patut ada Co-ordinating Committee supaya perkara itu boleh di-lekaskan.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) As a deterrent, would the Government consider increasing the penalty on all those who hit, damage, kill and then run?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu perkara yang lain. Ini fasal compensation (sagu hati), bukan fasal hukuman mahkamah.

Tuan Goh Hock Guan: But the problem that we face here is a problem of hit-and-run drivers and the difficulties of claiming the necessary compensation. So if there is a deterrent to prevent chaps from hitting and running away, this problem wouldn't arise, would it? Therefore, it is a relevant question, I submit.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bungsar mesti faham benda² ini Kerajaan akan mengambil tindakan yang keras. Tetapi the Prosecutor who may be the Police Inspector, the D.P.P. will press for the case, but we cannot interfere with the sentence as in this country the Judiciary is independent. But certainly we will press for the case.

CHIT FUND—UNDANG² MENGAWAL

9. **Dr Chen Man Hin** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan oleh kerana "chit fund" merupakan perkhidmatan kewangan yang baik, terutama kepada ahli² perniagaan kecil dan peniaga² kecil yang memerlukan wang untuk masa² kesulitan, boleh-kah larangan dan penggantungan terhadap "chit fund" itu di-hapuskan segera, atau sa-chepat mungkin satu undang² yang

lengkap hendak-lah di-luluskan bagi mengawal hasrat mereka² yang menyertai "chit fund" ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, soalan sama ada di-fikirkan patut di-adakan suatu undang² untok membatalkan larangan ka-atas perjalanan Chit Fund sa-bagai sa-jenis perniagaan dan membenarkan perniagaan saperti itu di-jalankan oleh sharikat² telah pun di-pertimbangkan oleh Jawatan-kuasa Penyemak Undang² Sharikat (Company Law Revision Committee) atas permintaan saya. Jawatan-kuasa itu telah pun membuat laporan dan hasil daripada-nya saya berharap akan dapat membawa satu Bill yang lengkap berkenaan dengan Chit Fund ini dalam Dewan ini nanti.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, are there provisions in the Bill to ensure that the participants would not be victimised or exploited?

Tuan Mohamed Khir Johari: If the Honourable Member could be a bit more patient, when the Bill comes, he can raise this matter, but I can give him an assurance that every precaution is being taken in order to ensure that the contributors' interest will be protected.

PERANCHANG KELUARGA—AKIBAT PERPECHAHAN KELAMIN

10. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar salah faham dan perpechahan kelamin telah berlaku akibat mengamalkan peranchangan keluarga dan memakan pil² yang di-katakan melemahkan tenaga jantina dan ada-kah Kementerian beliau akan menyiasat hal ini serta mengambil apa² langkah pembetulan yang di-fikirkan-nya perlu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang pengetahuan saya tidak-lah ada berlaku sa-barang salah faham atau pun perpechahan kelamin yang telah di-laporkan. Oleh itu penyiasatan atas apa² langkah pembetulan tidak-lah perlu di-ambil. Untok pengetahuan Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Peranchang Keluarga hanya di-beri pada mereka yang memerlukan dan

juga mereka yang layak. Mereka yang layak ia-lah kaum wanita atau lelaki yang sudah kahwin dengan kebenaran suami atau isteri mereka.

Oleh yang demikian soal salah faham tidak mungkin timbul.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa sa-tengah daripada majikan di-kilang² dan juga di-ladang² telah memaksa pekerja²-nya supaya mengambil Ranchangan Keluarga ini dan kalau sedar macham mana usaha hendak mengatasi masaalah ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya ta'ingat ada mana² majikan yang memaksakan. Ta'kan-lah dia boleh paksa. Ini satu perkara yang mustahil. Tetapi untok pengetahuan Ahli Yang Berhormat, daripada pengalaman saya sendiri, sa-bagai Pengerusi Peranchang Keluarga, bukan sa-bagai pengguna, ada-lah di-dapati bahawa daripada penyiasatan bukan sahaja di-sini, bahkan di-seluruh dunia kegunaan pill itu ada-lah menambahkan lagi kepuasan bagi mereka kerana selalu-nya kalau ta' menggunakan pill ini mereka ini teragak². (*Ketawa*). Jadi dengan sebab itu, kerana ketakutan hendak hamil maka kepuasan itu tidak terbangun.

PERUSAHAAN MEMBALAK BERKURANGAN—SEBAB²

11. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberikan sebab² kenapa keadaan perusahaan membalak telah berkurangan, dan ada-kah langkah² telah di-ambil bagi mengatasi kekurangan ini saperti mendapatkan pasaran yang lebeh baik dan meninggikan mutu kayu yang di-eksepotkan.

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) The timber market, as in the case of other commodity markets, is at present undergoing a period of recession, a situation brought about largely by the downturn in the economic activities of industrialised countries, who are the main importers of the commodities we produce. The current recession appears to have affected the timber exports of East Malaysia more than those of West Malaysia. West Malaysia's timber export figures show that for the period January-August 1971, the export of both

round and sawn timber had registered slight increases as compared with the corresponding period of 1970. In the case of round timber, an increase of 15% was registered, while in the case of sawn timber an increase of 3.5% was registered.

However, the volume of round timber exported from East Malaysia so far last year has shown a definite decline as compared with the volume exported during the corresponding period of 1970. Preliminary trade figures show that between January and June 1971 Sarawak's round timber exports stood at 796,500 tons, as compared with 1,732,800 tons exported for the whole of 1970. In the case of Sabah, between January and May 1971, 1,243,500 tons of round timber were exported, as compared with 3,411,600 tons exported for the whole of 1970.

Although the overall demand for timber from East Malaysia had been on a declining trend, the general price level had been somewhat higher than that prevailing in the previous year. Round timber exported from Sabah fetched an average unit value of \$124 per ton in 1971, as compared with \$116 per ton obtained in 1970. In the case of Sarawak's round timber exports, the average unit value has also increased from \$86 per ton in 1970 to \$90.5 per ton in 1971. The main reason for this is that a greater proportion of high-quality logs was exported in 1971, as compared with 1970.

As pointed out earlier, the general market situation for Malaysian timber has, in recent months, been adversely affected largely by the downturn in the economic activities of industrialised countries. The somewhat drastic decline in the round timber exports of Sabah and Sarawak is, in particular, due to adverse developments in the Japanese market, which has been responsible for absorbing about 65% of the total round timber exports of these two States. The underlying factors responsible for the decline in the Japanese market for the East Malaysian timber are as follows:

- (a) It is believed that the volume of round timber imported into Japan in 1969 and 1970 far exceeded actual requirements, thus leading to an accumulation of stocks of round timber. This in turn has adversely affected overall demand for round timber in 1971.

- (b) The emergence of Indonesia as an important source of supply of tropical hardwood to Japan in the past few years has adversely affected the position of East Malaysia which had traditionally been one of the main suppliers of round timber to Japan. Whilst in 1965 Indonesia's share of the total tropical hardwood imports into Japan was only 1.4% by 1970 her share had increased dramatically to 30.8%.

- (c) There has also been a significant increase in the total availability of tropical hardwood logs from ASEAN countries, a situation brought about by recent developments in Indonesia, and this is without doubt one of the significant factors behind the recent fall in the demand for logs from East Malaysia.

- (d) Since the latter part of 1970 the Japanese economy has been undergoing a period of general stagnation which has led to an unavoidable slowdown in the level of raw material imports, including timber. This situation is compounded by the recent world currency crisis and the decision of the U.S. Government to levy an import surcharge of 10% on imports of manufactured goods.

As is well-known, the demand for, and the general price level of, such primary commodities as tin and timber in any given period are determined directly by the general economic situation in industrialised countries, the main buyers of the commodities, that we produce. During a period of general recession, as is now faced by these countries, the markets for the various commodities are bound to be depressed, a situation which is beyond the control of the producers of these commodities. Nevertheless, the Government is fully conscious of the need to take whatever measures as are possible to secure more favourable conditions for the commodities we produce for export particularly on a long-term basis.

It has however, not been possible so far to evolve an international price stabilisation scheme for timber, mainly because of the vast varieties of species that are being exported by different producing countries. For the time being, however, ASEAN

countries have been looking into the possibility of working out some form of co-operation which would enhance the bargaining position of the timber producing countries in this region.

It is the aim of the Government to intensify its effort in promoting sales of Malaysian timber to a wider range of markets, as it is clearly undersirable for Malaysia to be over-dependent on only a few major markets for her timber exports. The realignment of our timber export trade cannot, however, be brought about overnight, because it is not merely a question of finding alternative markets, but also the need to find markets which will offer equally favourable terms as the traditional ones for our timber. The Malaysian Timber Industry Board is at present in the course of being re-organised and it is hoped that the re-organised Board will be in a position to play a more active and positive role in promoting the sale of our timber abroad.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 12 hingga 21 ada-lah di-beri di-bawah ini).

KILANG² DALAM RANCHANGAN MUDA

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah bilangan kilang² besar dan kilang² kecil yang di-punyai oleh pehak swasta, orang persendirian dan sharikat kerjasama dalam daerah Ranchangan Muda.

Menteri Pertanian (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Jawi): Dalam tahun 1971, terdapat 46 buah kilang besar yang di-punyai oleh pehak swasta dan 268 buah kilang persendirian dalam Kawasan Perayeran Muda. Kilang Sharikat Kerjasama berjumlah 98 buah dan dari jumlah ini, 23 buah sharikat di-beri lesen untuk membeli padi dan menjual beras.

KILANG SWASTA KEDAH/PERLIS MENANDINGI FAMA

13. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan sa-jauh manakah kilang besar pehak swasta di-Kedah dan Perlis menandingi FAMA dalam pembelian padi.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Jawi: FAMA mengendalikan komplek² pengering padi di-Kedah dan Perlis berdasarkan harga² yang telah di-tetapkan di-bawah Harga Jaminan Minima. Tujuan utama mengendalikannya komplek² ini ia-lah untuk menjamin pasaran bagi padi yang di-tuai ketika musim hujan, yang mana tidak mendapat tawaran harga yang baik dari kilang² persendirian. Ini berma'ana komplek² pengering padi FAMA ada-lah sa-bagai saluran pasaran yang terjamin untuk padi basah berdasarkan harga yang di-tentukan di-bawah Harga Jaminan Minima, tetapi petani² ada-lah bebas menjual padi mereka kepada kilang² swasta yang menawarkan harga yang lebih tinggi. Dari segi ini FAMA tidak bertanding dengan pengilang² swasta dalam pembelian padi. Antara bulan Julai 1970 dan bulan Ogos, 1971 komplek² mengering padi FAMA di-Kedah dan Perlis telah membeli 454,070.57 pikul padi berbanding dengan pembelian oleh kilang² swasta sa-banyak 5,282,145.07 pikul.

Kebanyakan padi yang di-hantar ka-komplek mengering padi FAMA di-Kedah dan Perlis ada-lah dalam masa penuaian padi luar musim, ketika mana sebahagian besar daripada padi yang di-tuai mempunyai kandungan wap basah yang tinggi oleh sebab keadaan chuacha yang burok dan keadaan sawah yang berayer. Padi basah dan yang bermutu rendah biasa-nya tidak di-terima oleh kebanyakan kilang² swasta. Oleh itu padi² ini di-hantar ka-komplek² pengering padi FAMA.

KOMPLEK PENGERING PADI FAMA

14. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar yang komplek pengering padi FAMA tidak di-gunakan untuk mengering padi yang basah.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Jawi: Ada-lah tidak benar kenyataan bahawa komplek² pengering padi FAMA tidak di-gunakan untuk mengering padi basah. Tujuan FAMA mengadakan komplek mengering padi ada-lah untuk mengering padi yang basah terutama sa-kali dalam masa penuaian padi luar musim antara bulan Julai hingga September tiap² tahun. Sa-bagaimana di-ketahui padi yang di-tuai dalam musim ini

ada-lah kebanyakan-nya basah atau lembab. Petani² terpaksa menuai dalam musim hujan dan oleh sebab chuacha burok, mereka tidak dapat mengering dan membersehhkan padi sa-belum di-jual.

Padi yang tinggi wap basah-nya tidak diterima oleh kebanyakan kilang² swasta. Oleh yang demikian, komplek² pengering padi FAMA terpaksa membeli padi tersebut. Antara bulan Julai dan Oktober 1971, komplek² pengering padi FAMA telah membeli lebih kurang 204,963.29 pikul padi, kebanyakan-nya padi basah, lebih daripada 20% wap basah-nya. Komplek² FAMA telah juga membeli padi yang kandungan wap basah-nya melebihi 30%. Padi basah ini dikeringkan oleh komplek terlebih dahulu dengan menggunakan alat² pengering padi dan jika chuacha baik, sa-bahagian-nya dijemor di-panas matahari sa-belum di-jual kepada kilang² pada swasta.

PEMBASMIAN MALARIA DI-SARAWAK—KALIMANTAN BARAT

15. Tuan Luhut Wan minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan berhubung dengan Kerajaan Indonesia untuk merundingkan tentang pembasmian malaria di-sapanjang kawasan² sempadan di-antara kedua² buah negara di-Sarawak dan di-Kalimantan Barat.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Persidangan "Borneo Inter-Country Malaria and Health Conferences" telah di-adakan pada masa yang lalu di-antara negara² Malaysia dan Indonesia di-bawah anjoran Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia bagi menyelaraskan kempen² kesihatan dan pembasmian malaria di-kawasan² sempadan di-antara Malaysia—Indonesia. Meshuarat terakhir ia itu meshuarat yang kedua belas telah di-adakan pada bulan Oktober 1969 di-Kuching. Pada masa itu Indonesia telah pun memulakan kegiatan² penyesuaian pembasmian malaria di-Kalimantan Timor dalam tahun 1964 dan di-Kalimantan Barat dalam tahun 1969.

Meshuarat yang akan datang ada-lah di-jangka di-adakan di-Indonesia dalam tahun ini. Setakat ini belum lagi kami mendapat berita dari pihak berkuasa Indonesia berkenaan tarikh dan tempat meshuarat yang

akan datang. Saya berchadang untuk membangkitkan perkara ini bersama rakan sejawat saya, Professor Siwabessy, untuk menetapkan suatu tarikh dan tempat yang sesuai bagi meshuarat yang akan datang.

(Dengan izin): Borneo Inter-Country Malaria and Health Conferences had been held in the past between Malaysia and Indonesia under the sponsorship of W.H.O., to co-ordinate health and anti-malarial campaigns along the Malaysia-Indonesia border areas. The last and twelfth meeting was held in October 1969 in Kuching. At that time Indonesia had already started malaria eradication orientated activities in East Kalimantan in 1964 and West Kalimantan in 1969.

The next meeting was supposed to be held in Indonesia this year. So far we have not yet heard from the Indonesian authorities on the date and place of the next meeting. I am intending to take up this matter with my counterpart, Professor Siwabessy, to fix a suitable date and place for the next meeting.

PUAN CHONG LAN JIN— KEMATIAN DI-HOSPITAL

16. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) sama ada beliau telah mengarahkan suatu penyiasatan terhadap kematian sa-orang yang bernama Puan Chong Lan Jin di-Hospital Besar Melaka pada 16hb September;

(b) sama ada beliau sedar atau tidak akan butir² berikut terhadap perkara Puan Chong Lan Jin—

(i) pada pagi 14hb September, 1971 Puan Chong Lan Jin, sa-orang suri rumah tangga yang berumur 27 tahun telah di-bawa oleh suami-nya sa-orang penoreh getah ka-Klinik Salvation Army, Batang Melaka kerana ia sakit kuat;

(ii) sa-lepas merawat Puan Chong, jururawat Salvation Army telah menyatakan kepada suami Puan Chong, yang Puan Chong terpaksa di-bawa ka-Hospital Besar Melaka kerana penyakit beliau tenat dan terpaksa di-masokkan ka-hospital. Jururawat tersebut

juga menulis sa-puchok surat mengeshorkan supaya Puan Chong di-masokkan ka-hospital;

- (iii) suami Puan Chong, Enche' Foo Kiang, dengan serta merta menyewa sa-buah teksi dan membawa isteri-nya dari Klinik Salvation Army, Batang Melaka ka-Hospital Besar Melaka yang jauh-nya kira² 30 batu;
- (iv) bila tiba di-Hospital Besar kira² pukul 9.45 pagi, Puan Chong telah tidak di-terima masok ka-hospital dengan alasan yang Puan Chong tidak pun sakit tenat, walau pun dengan ada-nya surat dari Klinik Salvation Army;
- (v) Enche' Foo Kiang terpaksa membawa balek isteri-nya ka-Batang Melaka dan sa-kali lagi berhubungan dengan jururawat Klinik Salvation Army. Hanya sa-lepas jururawat tersebut mengikuti Puan Chong, baharu-lah ia-nya di-masokkan ka-hospital pada sa-belah petang; dan
- (vi) Puan Chong yang hamil telah melahirkan sa-orang anak lelaki pada 16hb September, 1971 lebeh kurang jam 2 pagi, dan ia meninggal dunia jam 10 malam pada hari yang sama. Anak lelaki-nya juga meninggal dunia;
- (c) sama ada beliau dapat memberitahu Dewan ini sama ada kematian Puan Chong ada-lah di-sebabkan oleh kerana keengganan pihak hospital memasokkan Puan Chong pada pagi 14hb yang telah menyebabkan ia kembali sa-mula ka-Batang Melaka dan sa-kali ka-Hospital Besar di-dalam keadaan tenat; dan
- (d) kenapa-kah hospital tersebut enggan menerima pesakit itu bilamana surat mengeshorkan untuk di-masokkan ka-hospital dari Klinik Salvation Army ada di-keluarkan.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew):

- (a) Saya telah mengarahkan supaya satu penyiasatan di-buat dalam perkara kematian sa-orang Puan Chong Lan Jin di-Hospital Besar, Melaka pada 16-9-71.

(b) Saya sedar bahawa:

- (i) Puan Chong Lan Jin telah di-beri rawatan perubatan di-Klinik Serbanika Hospital Besar Melaka pada pagi 14-9-1971;
- (ii) Pegawai Perubatan yang memeriksa-nya berpendapat bahawa keadaan am dan klinik pesakit itu pada waktu pemeriksaan tidak berkehendakkan ia-nya di-masokkan ka-dalam wad dengan serta merta;
- (iii) Pesakit itu telah di-beri rawatan sa-bagai pesakit luar dan telah di-nasehatkan supaya kembali semula untuk rawatan selanjut-nya jika tidak memberi kesan daripada rawatan yang telah di-beri itu;
- (iv) Pesakit itu telah di-pereksa sa-kali lagi di-Klinik Serbanika Melaka pada petang yang sama jam pukul 5.30 petang dan telah di-masokkan ka-dalam wad Bahagian Perubatan Hospital itu bagi penyiasatan dan rawatan selanjut-nya;
- (v) Penyiasatan telah membuktikan "diagnosis" "S.T. (SUBTERTAIN) Malaria" dan rawatan serta merta yang sewajar-nya telah di-jalankan;
- (vi) Beliau telah tiba hendak melahirkan anak yang belum sampai masa (went into premature labour) pada 15-9-1971 dan berikutan-nya sa-orang bayi yang telah mati pada waktu lahir (still born child) telah di-lahirkan. Penghasilan anak itu ada-lah senang dan tidak ada apa² kerumitan;
- (vii) Pada pukul 5 petang 16-9-1971, pesakit itu telah menjadi terkejut dari segi perubatan (rapid medical shock) di-iringi dengan tidak sedarkan diri (coma). Ia tidak puleh dengan segala langkah tindakan untuk memulehkan dan juga penjagaan rapi oleh doktor² dan jururawat². Beliau telah meninggal dunia pada 16-9-71 jam pukul 10.05 p.m. Sebab kematian ia-lah: "Pernicious S.T. (SUBTERTAIN) Malaria".

(c) Kematian Puan Chong bukan-lah disebabkan kerana ia tidak di-masokkan pada pagi 14hb September, 1971.

(d) Ada-lah nyata bahawa sa-keping surat daripada sa-orang jururawat di-Hospital Salvation Army yang mengesahkan supaya pesakit itu di-masokkan ka-dalam wad tidak-lah sa-mesti-nya pesakit itu di-masokkan ka-dalam wad. Pegawai Perubatan yang memeriksa kes itu membuat keputusan sama ada pesakit berkehendakkan rawatan dalam wad atau sebak-nya. Dalam perkara ini pada waktu pesakit itu di-periksa pada 14-9-1971, pegawai perubatan itu berpendapat bahawa tidak ada tanda² yang menunjukkan yang kes itu mesti di-masok ka-dalam wad dengan serta merta.

(Dengan izin)

(a) I have caused investigations to be made into the death of one Madam Chong Lan Jin in the General Hospital, Melaka on 16-9-1971.

(b) I am aware that:

(i) Madam Chong Lan Jin was given medical attention at the Poly Clinic of the General Hospital, Melaka on the morning of 14-9-1971;

(ii) The doctor who examined her was of the opinion that the general and clinical condition of the patient, at the time of examination did not warrant that she has to be immediately hospitalised;

(iii) The patient was given treatment as an out-patient and was advised to return for further attention if she did not obtain relief from the treatment given;

(iv) The patient was seen again at the Poly Clinic, General Hospital, Melaka on the same evening at 5.30 p.m. and was admitted to the Medical Unit of the Hospital for further investigation and treatment;

(v) Investigations confirmed the diagnosis of S.T. (SUBTERTAIN) Malaria and immediate treatment was carried out accordingly.

(vi) She went into premature labour on the morning of 15-9-1971 and subsequently delivered a stillborn child. The labour itself was easy and not complicated;

(vii) At 5 p.m. on 16-9-1971, the patient developed rapid medical shock associated with coma. She did not respond to all active intensive resuscitative measures and constant vigilant attention by doctors and nurses. She passed away at 10.15 p.m. on 16-9-71. The cause of death was:

“Pernicious S.T. (SUBTERTAIN) Malaria”.

(c) Madam Chong's death was not in any way contributed to by the fact that she was not hospitalised on the morning of September 14th 1971.

(d) It is obvious that a letter of recommendation for hospitalisation by the nurse from the Salvation Army Clinic does not by itself warrant admission of the patient into hospital. It is for the doctor who examines the case to decide whether a patient requires hospitalisation or otherwise. In this instance, at the time of the examination of the patient on 14-9-1971, the doctor was of the opinion that there was no indication for the case to be admitted immediately.

BIASISWA AGONG ATAU BIASISWA BAGINDA

17. Tuan Mustapha bin Hussain bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada Kerajaan akan memberi biasiswa istimewa yang bergelar Biasiswa Agong atau Biasiswa Baginda (seperti Rhodes and Queen's Scholarship) kepada siswazah² yang chemerlang atau terkemuka.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Buat masa ini, tidak.

SEKOLAH² MENENGAH RENDAH SARAWAK

18. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah² menengah rendah yang akan di-dirikan di-Sarawak memandangkan bertambah-nya murid² Tingkatan Satu sa-lepas tahun 1972 kerana penghapusan Pepereksaan Masok Darjah 6 Rendah di-Sarawak.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua, 6 Sekolah Menengah Rendah akan di-bena di-Sarawak, 2 di-Sibu, 1 di-Matu, 1 di-Tebakang, 1 di-Kuching dan 1 di-Miri.

(Dengan izin) Under the Second Malaysia Plan six Lower Secondary Schools will be built in Sarawak, two in Sibu, and one each in Matu, Tebakang, Kuching and Miri.

KILANG² PERUSAHAAN TARAF PERINTIS

19. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Kerajaan berpendapat bahawa ada-lah lebeh baik semua sharikat² yang hendak membena kilang² perusahaan dengan taraf perintis di-Malaysia di-gesa supaya berunding dengan PERNAS bagi membolehkan bumiputra² menchebor diri di-dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Kerajaan tidak akan menjadikan dasar bahawa tiap² sharikat asing yang berchadang hendak menubuhkan perusahaan dengan mendapat taraf perintis di-Malaysia harus berbinchang terlebih dahulu dengan PERNAS, atau pun lain² pertubohan. Walau bagaimana pun, jika pehak saya memikirkan bahawa untuk sa-suatu projek yang tertentu perbinchangan sa-umpama itu perlu, saya akan menggalakkan perbinchangan sa-demikian dan pada masa yang sudah² ini telah pun di-jalankan.

KILANG² DI-KAWASAN LUAR BANDAR

20. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan bila Kementerian beliau akan meranchang pembenaan kilang² di-kawasan²

luar bandar supaya dapat mengurangkan kemasokan orang² luar bandar ka-pekan² untuk menchari kerja.

Tuan Mohamed Khir Johari: Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan di-bawah Dasar Ekonomi Baru, menggalakkan penubohan kilang² di-kawasan² luar bandar. Umpamanya dalam tempoh bulan Januari hingga Jun 1971, daripada 108 buah projek yang telah di-luluskan oleh Kementerian saya, 59 buah projek telah di-luluskan untuk di-dirikan di-kawasan² yang kurang maju.

INSPEKTOR POLIS WANITA— KEUTAMAAN

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) ada-kah benar bahawa pemegang sijil Senior Middle III Sekolah China diberi keutamaan dalam pengambilan Inspektor Polis Wanita baharu² ini. Jika benar, kenapa; dan
- (b) ada-kah kelulusan lain, khas-nya dari Sekolah Menengah Kebangsaan akan di-terima.

Tun Dr Ismail Al-Haj:

- (a) Tidak benar.
- (b) Chalun² dari Sekolah Menengah Kebangsaan juga akan di-terima, sa-kiranya mereka mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia, dengan mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan bagi mengadakan peruntokan berkenaan dengan perkara² yang bersangkutan dengan-nya; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Hasil Bumi; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara dan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara² yang bersangkutan dengan-nya; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Hasil Bumi; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² JAMINAN PINJAMAN

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan supaya peruntukan² tertentu dalam Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia), 1968 di-pakai bagi sa-suatu jaminan Persekutuan terhadap pinjaman yang di-beri oleh Bank Pembangunan Asia kepada Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan bagi perkara² yang bersangkutan dengan-nya; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perhubungan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PERSATUAN NELAYAN (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Persatuan Nelayan, 1971; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PERSATUAN PELADANG (PINDAAN)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Persatuan Peladang, 1967; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PERAYERAN WILAYAH

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi menentukan perayeran wilayah Malaysia; di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Peguam Negara; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBADANAN KEMAJUAN PELANCHONGAN MALAYSIA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, saya mohon membentangkan supaya Rang Undang² Perbadanan Kemajuan Pelanchongan 1971, di-bachakan pada kali yang kedua.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, masa depan perusahaan pelanchongan sa-bagai satu sumber untuk menghasilkan penukaran mata wang asing dan juga satu asas bagi mengadakan peluang² pekerjaan telah di-akui dan supaya boleh di-majukan dengan sa-penoh-nya, Kerajaan berpendapat sa-buah Perbadanan Kemajuan Pelanchongan hendak-lah di-tubuhkan untuk mengambil alih usaha penggalakan dan pembangunan yang pada masa ini ada-lah menjadi tanggung-jawab Jabatan Pelanchongan dalam Kementerian saya. Jabatan tersebut, dengan sumber kewangan yang terhad di-peruntukan kepada-nya, telah berjaya membangkitkan kesedaran mengenai kebolehan perusahaan pelanchongan dan juga di-dalam usaha memelopori penubuhan serta pembangunan perusahaan pelanchongan di-negeri ini. Kejayaan ini di-chapai atas usaha Jabatan tersebut menjalankan program² penggalakan dan seranta di-luar negeri, menggalakkan penubuhan tempat² kemudahan dan keistimewaan dan pertubuhan² pelanchong serta memupok perhubungan bangsa. Sunggoh pun begitu, Jabatan tersebut adalah terta'alok kepada peratoran² dan undang² Kerajaan yang lazim dan dengan itu bukan sahaja ia-nya tidak mempunyai kuasa bahkan juga kebebasan bertindak dan kelonggaran bergerak. Sa-bagai sa-buah badan

bersendirian ia akan dapat menjalankan dengan lebih berkesan langkah dan peluang² penggalakan yang di-perlukan untuk mempesatkan lagi kemajuan perusahaan pelan-chongan.

Rang Undang² ini di-gubal dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada perkembangan perusahaan pelan-chongan di-negeri ini dan juga untuk memastikan supaya bertambah giat lagi penyertaan semua negeri² di-Malaysia dalam pembangunan dan peranchangan pelan-chongan bagi kawasan² yang tertentu di-negeri² tersebut.

Rang Undang² ini mengandungi 6 bahagian seperti berikut:

- (a) Bahagian 1—Mengandungi tajok dan tafsiran Rang Undang² ini;
- (b) Bahagian 2—Mengandungi peruntukan bagi penubuhan Perbadanan ini dan juga keterangan² mengenai tugasnya dan juga penting-nya perlantikan sa-buah Lembaga Pengurus;
- (c) Bahagian 3—Mengandungi peruntukan² bagi penubuhan Majlis Perbadanan Pelan-chongan;
- (d) Bahagian 4—Mengandungi peruntukan² mengenai perlantikan Pengarah dan lain² kakitangan Lembaga itu;
- (e) Bahagian 5—Mengandungi peruntukan² mengenai perkara² kewangan yang berhubung dengan pembentokan dan pengurusan Perbadanan ini; dan
- (f) Bahagian 6—Membentangkan lain² perkara bersangkut dengan pengendalian dan perjalanan Perbadanan ini.

Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat dapat perhatikan Bahagian 3 Rang Undang² ini menyatakan, ia-itu Perbadanan ini mestilah satu Badan yang di-tubuhkan bagi menjalankan tugas² seperti berikut:

- (a) Untuk menyelaraskan semua aktiviti² berkaitan dengan perusahaan pelan-chongan yang di-kendalikan oleh

Jabatan² atau pun badan² Kerajaan atau yang bukan Kerajaan;

- (b) Membuat shor² kepada Kerajaan berkaitan dengan chara², langkah² dan dasar² yang perlu di-ambil bagi mendorong lagi pembangunan perusahaan pelan-chongan dan, di-mana yang di-luluskan oleh Kerajaan, mengusaha dan membantu dalam pelaksanaan langkah² tersebut; dan
- (c) Pada am-nya bagi menggalakkan di-perengkat tempatan antarabangsa, dan mengambil peranan di-dalam usaha membangunkan perusahaan pelan-chongan di-Malaysia.

Dalam menjalankan tugas²-nya Perbadanan tersebut akan di-beri kuasa untuk membuat kajian² dan penyiasatan² yang berkaitan dengan pelan-chongan, menjalankan kajian "feasibility studies" bagi pembangunan tempat² peranginan, mengambil peranan atau membantu dalam usaha pembangunan perusahaan² pelan-chongan. Perbadanan itu akan jua di-beri kuasa di-dalam hal atau memperbaiki kemudahan² dan penarekan² pelan-chong di-dalam dan di-luar negeri dan begitu juga mendapatkan seranta di-dalam dan luar negeri untuk menggalakkan perjalanan dalam Malaysia.

Ada-lah juga di-chadangkan supaya Perbadanan ini di-beri kuasa untuk menentukan taraf yang patut di-sediakan oleh perusahaan² pelan-chongan, melesen perusahaan² tersebut dengan berpanduan kepada syarat² dan bayaran² yang tertentu, menentukan hotel² atau rumah² tumpangan sa-bagai hotel² pelan-chong, menerima bayaran dengan chara kamsen (commission) atau yuran atas khidmat yang telah di-berikan.

Sa-lain dari itu, dengan persetujuan Menteri, Perbadanan itu perlu-lah di-beri kuasa mengambil bahagian yang sama di-dalam memajukan perusahaan² pelan-chongan, mengadakan kemudahan² pelan-chong dan juga mengenakan cess (chukai) ka-atas jenis² perusahaan pelan-chongan termasuk hotel² pelan-chong.

Bagi menjalankan tugas² tersebut dan juga bagi pentadbiran am dan juga hal ehwal perniagaan, Perbadanan itu akan di-pertanggung-jawabkan kepada sa-buah Lembaga Pengurus. Lembaga itu akan mengandungi

sa-orang Pengerusi dan tidak kurang dari 6 akan tetapi tidak melebihi daripada 10 orang ahli, kesemua-nya akan di-lantek oleh Menteri. Tempoh tiap² ahli yang di-lantek itu ia-lah di-antara 1 hingga 3 tahun. Bagi tujuan untuk menasehati Menteri mengenai perkara² berkaitan dengan pelanchongan dan menentukan supaya pelaksanaan undang² di-jalankan dengan teratur dan berkesan, sa-buah Majlis Kemajuan Pelanchongan akan ditubuhkan dengan di-pengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengurus. Ahli² yang lain adalah terdiri dari wakil² kesemua Kerajaan Negeri dalam Malaysia tidak kurang dari 5 orang dan tidak melebihi dari 10 orang ahli yang di-lantek daripada mereka yang mempunyai kepentingan dalam usaha² pelanchongan dan juga perusahaan pelanchongan am-nya. Tidak kurang dari 3 orang akan tetapi tidak melebihi dari 5 orang ahli perlu di-lantek dari Kementerian². Ka-semua ahli² ini mesti-lah akan di-lantek oleh Menteri.

Rang Undang² ini telah pun di-binchangkan dengan wakil² dari berbagai² sektor perusahaan pelanchongan sa-belum ia-nya di-putuskan. Reaksi² yang positif telah pun di-perolehi dari ka-semua Kerajaan² Negeri mengenai chadangan untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelanchongan ini.

Oleh sebab itu, saya mohon membentangkan Rang Undang² ini untuk di-bacha bagi kali yang kedua.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I welcome the establishment of the Tourist Development Corporation. I do hope that this will prevent unhealthy competition between the various States which are now vying to attract tourists. But I wonder whether the Government is clear in its own mind over the bodies it has decided to set up. For example, this Bill attempts at the setting up of a Corporation with a Board of Management, but at the same time you have a Council. The functions of the Board of Management as stated in Clause 4 (b) are to make recommendations to the Government, whereas the functions of the Council seem to be to make recommendations to the Minister. Would that not give rise to conflict of opinions and, perhaps, a stalemate in the execution of matters related to tourism?

I do understand the anxiety of the Government in wanting to have representation from the States and also to have a wider representation and therefore it has found a way out to create a Council. I wonder whether it would not be better, to prevent this conflict, to have a bigger Board, or for the Council to advise the Board and the Board to advise the Government. As I said earlier, the Council will be advising the Minister whereas the Board will be making recommendations to the Government. I do not see the significance, as to what is the difference between the Minister and the Government, although there is some slight difference in the sense that the Government means the Cabinet as a whole and maybe the Minister means the Minister himself. But I hope the Minister will clarify on this position of the Council and the Board.

Coming to the views of the States and the interests of the States, what would the position be in the States? Would the States be able to have their own Development Corporations? I understand that Malacca wanted to have one and it was stopped and Penang attempted to have one and it could not go further. The Bill allows one representative from each State in Malaysia. I do not know who is responsible for the appointment of this one representative to the Council? Is it the Government? Is it the tourist body? Or would it be a group representing all the tourist organisations in the State?

I agree with the Minister that the potential has not been fully utilised. This is also stated in the Second Malaysia Plan and also by the Minister of Finance yesterday. We have all been talking about it and many persons on the opposite side of the House have also drawn attention to it. And I hope with the establishment of this organisation the Government will give greater incentive for the Board to work—as the Minister said it would be freed from the clutches of the rules and financial regulations which control a Government body and a business venture, so to say, will have to take certain risks. But I would like to give a word of caution—I think the Minister would be aware—not to fall into the traps of confidence-tricksters and so forth—quite a number of them are around—who seize the opportunity that a developing country like ours offers and swindle the Government and the bodies that are set up. I think the Government itself has

been aware, as the Penang State Government has become aware in the electronics field into which it ventured, and perhaps also in the development of Fraser's Hill.

Mr Speaker, Sir, while welcoming the fact that the setting up of this Board will go towards the overall development of tourism in our country, particularly the promotional aspects of it, I would like rather parochially so to say, to appeal to the persons concerned to give top priority to Penang. I do so because Penang is quite well known and it has got some of the best facilities which tourists would like, particularly to spend a family holiday, e.g. to take the whole family to Penang, whereas they would not be able to do it if they were to go to other places which are very crowded. Secondly, Penang has beaches which have a very close proximity to the city and it is closely situated to the major airline routes, and therefore I hope also that greater attention will be given to the extension of the airport. I was told that it would be ready by 1972 and I wonder what is holding back the development of the airport at Penang.

I urge this special priority for Penang, Mr Speaker, Sir, because as you are aware and as the House is aware, Penang has lost its traditional free port and with the imposition of the 5% Sales Tax, I think the position would be even worse and shops and places would be more deserted. Therefore it would more or less outweigh the losses that are suffered by Penang if Penang could be made the shop-window and is built up as the foremost tourist centre for Malaysia. If Penang should benefit, then the outfall from Penang—no tourists would come just to Penang who would want to just live in Penang and then go back—would surely benefit the other centres or interests developed in Malaysia as the tourists would definitely want to go there.

Of course, the benefit to the Central Government would definitely be enormous from tourism. As you know, tourism benefits very little the States in matters of finance or revenue, but it is of great benefit to the Centre in the form of a foreign exchange earner as well as, perhaps, income tax and other taxes. But to the State, almost nothing is gained by the particular State concerned.

Therefore, I urge that the Government give more liberal amounts of money to the Tourist Promotion Board, so that it can fully develop the potentialities of our country and also advertise these potentials in other countries like Japan, Western Europe, America and Australia. Thank you very much, Sir.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di-Pertua, walau pun Rang Undang² ini sa-mata² bertujuan untuk memasukkan peruntukan satu Ordinan Dharurat Tahun 1970 yang telah pun di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, akan tetapi saya rasa ada-lah amat sesuai kerana peruntukan²-nya yang penting lagi tertarek itu dapat di-bahathkan bersama.

Pelanchongan ada-lah di-anggap sa-bagai satu indastri yang muda dan baharu lagi bagi negara kita yang mempunyai berbagai² keindahan dan kekayaan kebudayaan yang berpuncha dari berbagai² kaum keturunan asal. Keindahan dan kekayaan itu harus di-exploitkan dengan penoh baik untuk kemajuan pelanchongan mahu pun sa-bagai saluran rasmi yang lebeh berkesan lagi untuk menyampaikan imej negara kita kepada negara² yang lain melalui pelanchongan yang sedang dan akan melawat negara kita yang molek itu. Oleh sebab itu-lah Rang Undang² ini patut di-alu²kan supaya ia-nya di-luluskan agar indastri baharu lagi muda itu dapat di-uruskan dengan sa-chara professional, sa-chara besar²an dan sa-chara standard antara-bangsa. Maka ada-lah di-harap bahawa Perbadanan Kemajuan Pelanchongan Malaysia apakala di-tubuhkan akan membuat shor² kepada Kerajaan tentang chara², langkah² dan dasar² yang akan di-jalankan bagi memudahkan kemajuan perusahaan pelanchongan hanya sa-lepas tinjauan² dan penyiasatan² berkenaan dengan pelanchongan yang teliti di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dengan ada-nya bukan sedikit tempat² berehat ia-itu holiday resort atau pun tempat² tujuan pengembaraan ia-itu travel destination yang telah pun biasa di-kenali oleh pelanchong² dan juga oleh ra'ayat kita sendiri yang berkelah beramai² ka-tempat² itu, maka kerumitan akan timbul tentang pilihan yang mana satu tempat di-antara-nya patut di-utamakan untuk kemajuan. Dalam hubungan ini saya agak ada-lah kemungkinan dalam

tugas²-nya perbadanan itu akan di-bantu chara aktif nanti oleh sa-buah Majlis Kemajuan Pelanchongan. Saya berchadang bahawa ada-lah lebih elok jika Majlis itu akan di-beri kuasa untuk memetek buah fikiran, shor² dan pendapat² dari orang ramai am-nya dan dari orang² yang sa-takat ini telah menunjukkan minat tentang indastri ini khas-nya. Maka ada-lah di-harap ia-itu apakala perbadanan itu dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan membuat peratoran² bagi melaksanakan peruntokan² Undang² ini nanti aspek tersebut dapat di-cherminikan dalam peratoran² itu.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai mithalan, saya suka menyebut dengan ringkas tentang satu tempat, satu tempat rehat ia-itu holiday resort yang sudah lama di-kunjongi oleh bagitu ramai pelanchong². Tempat itu ia-lah Pulau Pangkor yang terletak di-kawasan Sitiawan di-Negeri Perak. Pantai-nya berseh, letak-nya bagitu sesuai dan mudah di-lawat baik dari laut mahu pun dari darat. Dari segi tempat rehat ia-itu holiday resort, Pulau Pangkor pun di-majukan dengan perengkat sederhana oleh kalangan swasta dan di-pandang dari segi kechepatan sahaja di-antara alasan² yang lain ada-lah nyata bahawa indastri di-situ yang kechil lagi tetapi boleh di-katakan yang sudah kukoh, bukan sahaja patut di-galakkan tetapi harus di-perluaskan dan di-majukan sa-belum tempat² yang lain saperti Pulau Tioman, atau pun Pulau Langkawi di-pertimbangkan untuk kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak sa-orang Raja yang amat popular antara ra'ayat-nya pun pernah bertitah tentang minat di-raja-nya berkenaan dengan kesesuaian kemajuan pelanchongan di-Pulau Pangkor. Maka molek-lah kira-nya Majlis Kemajuan Pelanchongan apabila ditubuhkan nanti di-beri kuasa mengumpulkan buah fikiran dan pendapat² yang agak berharga dari orang² yang mempunyai minat dan pengetahuan praktikal saperti Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak atau pun Yang Mulia Orang Besar Jajahan kawasan Dindings supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat di-nasihatkan dengan betul. Terima kaseh.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):
(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, tourism has become very big business in the world today. In Europe, for instance, it has become a

heavy industry, on the scale of steel or cars, and a much bigger earner of foreign currency. For Spain, Italy or Greece, it is the largest source of foreign exchange.

The tourist industry in Malaysia has great potential to become a leading earner of foreign currency and provider of jobs. However, until now, it has lacked a dynamic and imaginative government policy to fully exploit the tourist resources and potential in Malaysia. Malaysia, for instance, has earned less revenue from tourism than the island republic of Singapore, although in many respects, Malaysia has greater tourist resources and potential.

The Government has on the one hand, failed to develop and exploit tourist resources and potential in the country, and on the other, has allowed tourist attractions to be jeopardised. The Malacca town is a good example of the Government's failure to develop and exploit tourist resources and potential. It is no exaggeration to say that for many people in other parts of the world, Malacca is more well-known than Malaysia, because of Malacca's 500 year-old history, and the pivotal role she played in commerce in early history. Its history, from its founding by Parameswara in the 14th century, the Malacca Sultanate, down to the Portuguese, Dutch and British phases, the confluence of cultures and commerce of three ancient civilisations the Chinese, Indian and Indonesian could all be reconstructed to draw tourists from all corners of the world. But what do you have in Malacca today? Unkempt ruins and relics.

Another example of Government's failure to develop and exploit to the full tourist resources and potential are the zoos of the country. For instance, both the zoos at the Federal Capital and Johore Bahru are quite pathetic places, and do not really justify visits by tourists who want to see Malaysian animal life. The Taiping Zoo is better, but still far from satisfactory.

An imaginative tourist promotion drive would include development of a national zoo, which not only has a representative collection of Malaysian animal life, but world tropical animal life. Such a zoo will establish an international reputation, and tourists will make a point of wanting to pay a visit when they come to this part of the world.

Singapore, in its tourist promotion drive, has established the Jurong Bird Park, with the world's largest flight-in aviary and tallest man-made waterfall, which is quickly establishing a name for itself. Malaysia, with greater resources has done nothing. There cannot, Mr Speaker, Sir, be half-hearted measures in tourist promotion.

The beaches of Port Dickson are an example of Government neglect and indifference in protecting tourist resources. Port Dickson had one of the finest beaches in the country, but now it is swiftly becoming one of the most dirty and foul, because of oil pollution. Unless something quick is done, Port Dickson will be known for its dirty, oily and stinking beaches:

Mr Speaker, Sir, one of our richest assets in the promotion of tourism is our multi-cultural diversity, the variety of colours, mode of dress, dances, art forms, food, etc. Tourists travel to another country to see something different, and what is more different than different ways of life of another place, of another people.

It is a mistake to build casinos, gambling dens and fleshpots all over the country for tourists, for they can see these pleasures and desires in their own country. Invariably these casinos, gambling dens and flesh-pots end up monopolised by local people.

We should, therefore, fully exploit our multi-cultural way of life, of unity through diversity. Unfortunately, there are people in our midst who want to destroy our multi-cultural diversity.

For instance, it has been asserted by a top Government leader that the lion dance is un-Malaysian. Such obscurantist attitudes will not only squander away Malaysia's rich assets for tourist promotion, what is more important, will positively cause greater national disunity and divisiveness in the country and people.

Finally, Mr Speaker, Kuala Lumpur is now a beehive of activity to prepare for the PATA Conference at the end of this month. I would urge the Government, however, not to ride roughshod over the interests and welfare of the poor, just to present a good image to the PATA Conference.

Thus, the Municipality have given notice to evict squatter families in unconscionably short time in Jalan Bukit Bintang, Jalan Tong Shin, Jalan Walter Grenier and Jalan Sarawak areas. Hawkers, petty traders and cobblers even are being harassed, hounded, summoned and fined.

The Government is trying to hide poverty, squalor and the slums to give PATA participants the impression that there is only affluence, plenty and luxury in Kuala Lumpur, by driving the poor to even worse straits in evicting them from their squatter families and hounding them from their petty trades.

This is unconscionable, immoral and irresponsible. I call on the Government to stop its high-handed treatment of the poor, and to treat them not only as human beings, but as Malaysian citizens who have a right to Government protection and assistance in their poverty and misery. PATA or no PATA, the poor will remain poor. They should not be made poorer so that the Government can create a good image for PATA. Thank you.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):
Mr Speaker, Sir, I think the Honourable Minister and his associates should be congratulated for being able to persuade the other members of the PATA Conference to have the Conference held in our country. I hope very much that this Conference will serve as a booster to the tourist trade of our country.

This Bill is a welcome one because I think we ought to have had really a set-up of this sort a long time ago and I think our country, with all its rich, diverse cultural background and also the natural beauty that we have, should really be an ideal place for tourists to come and this is a long-felt need to have a Board and a Council to at least guide the tourist trade and industry and to promote it in a proper way. Sir, I notice that the Council, as provided under the Bill, that is Part III, comprises of representatives from each State of Malaysia and also others appointed from amongst persons representing interests in any tourist enterprise and then also certain appointees from the Ministries. Sir, I do not wish, by my comments here, to appear as if I do not think that all the

States should not have representation, but I think one should bear in mind that in the context of Malaysia, we have got, geographically-speaking, different regions. For instance, people who come to West Malaysia, to Kuala Lumpur for instance, can also go to Penang or other parts of West Malaysia, within a day. So, as far as the tourists who come over to West Malaysia, they can in fact conclude a tour of West Malaysia in a fairly short time. But if they wish to come to East Malaysia, for instance, that is altogether a different matter because then one has to have connecting flights to Singapore and also other arrangements like accommodation and so on.

So, Mr Speaker, Sir, I feel that we ought to think not so much of State-wise planning but more, within our own Malaysian context, regional or sub-regional planning. That is to say, we can even divide West Malaysia into two or three regions or sub-regions and then East Malaysia into two regions at least, Sarawak and Sabah, rather than cut up Malaysia by State boundaries because I feel that tourists who come here do not really feel conscious of our different States but they do feel there would be different things to see, say, in East Coast, something different in West Coast and something in the south of West Malaysia. Similarly, there are so many different things we can offer in East Malaysia which might be able to attract different types of tourists to our country. Furthermore, Sir, I would like to ask, how many West Malaysians in fact know about East Malaysia? For that matter, I know very few of our East Malaysians know about West Malaysia. Therefore, I think when we talk about tourist trade, we should not confine ourselves only to attract tourists from outside, from foreign countries. Of course, it would be so much the better if we can get more tourists coming from other countries so that we can earn more foreign exchange. But so many of Malaysian citizens also go out and therefore, in that form, we have lost our foreign exchange when our fellow citizens go out. So, why not we encourage our own citizens to visit other States? I mean why cannot try and promote an internal tourist trade, that is to say, West Malaysians should come more often to East Malaysia to look at us, and I can assure my West Malaysian brothers that there is a lot to see and also to enjoy themselves in a very unsophisticated manner of

the scenery and of the people in that part of the country. I feel, Sir, the Council that is going to be set up should bear this in mind. If we let other people know of ourselves and not try to work out in such a way that our own citizens themselves know each other, then I think we may be defeating the purpose, as one Honourable Member has said, about national unity.

Sir, one of the Honourable Members has mentioned about the airport in Penang. Sir, I think this is a very valid point. Now tourists who come, say particularly from other countries, would like to see how soon they can get there and how they can move about the country, and also what sort of accommodation they can find. Here I would like to put in a plea and that is, we have talked so much about improvements to airport facilities in Sarawak, particularly in Kuching, and I think it is high time that this should come in hand so that not only we can get foreigners to come to Sarawak but also our fellow citizens to go there easily. I mention this because complaints have always been made to me, not necessarily by tourists but also the business people that it is so difficult to get a seat in an airline from Singapore to Kuching and *vice versa* from Kuching to this part of the world. Obviously, there is a big demand for more and more air services between Sarawak and West Malaysia and if we cannot satisfy this, naturally we cannot begin to talk about promoting tourism and in this connection, I hope very much that the Honourable Minister and his colleague, the Minister of Communications, will get together and put this matter right. I do support this Bill.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas Rang Undang² Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan Malaysia ini oleh kerana ini ada-lah satu indastri yang besar sa-kali di-negeri² yang telah maju, terutama sa-kali di-negeri Jepun, negeri Taiwan, di-Hong Kong, di-Bangkok dan juga akan datang di-negeri kita ini. Tetapi kemudahan² mesti-lah ada kapada tourists ini, pelancong² yang datang melancong ka-negeri ini. Kemudahan² mesti di-beri kapada mereka.

Negeri kita telah memberi kemudahan ia-itu Visa Tujoh Hari datang ka-mari, tidak payah-lah pergi ambil visa, tujoh hari boleh berjalan² menengok negeri kita, tetapi saya

minta kepada Kerajaan Malaysia ia-itu Kastam. Apabila pelanchong² masuk ke-negeri kita ini mereka ada-lah pelanchong. Mereka tidak bawa chandu. Dia tidak bawa barang² lain melainkan beg dia, barangkali dua, tiga baju—seluar-nya dan camera-nya. Jadi, kalau Kastam pereksa punya pereksa, jadi, menanti sa-tengah jam atau sa-jam di Airport, pelanchong² yang lain ini nanti memberitahu kepada orang²-nya, orang² di-negeri mereka, payah benar hendak masuk ka-Kuala Lumpur. Satu jam, sa-tengah jam menanti untuk memereksa beg ini. Bukan bawa apa². Kalau di-pereksa pun tidak ada apa² pun dalam beg dia.

Jadi saya harap jika di-shak hati sahaja, ia-itu si-anu itu ada-lah membawa chandu atau pistol atau lain², maka orang itu-lah mesti di-pereksa. Sa-lain daripada itu kastam pereksa begitu sahaja dan di-lepaskan orang itu.

Kedua-nya berkenaan dengan tourist. Tourist daripada Jepun yang banyak sa-kali ka-Hongkong dan ka-Taiwan. Jikalau kita betul² fikirkan pelanchongan ini ada-lah satu industri yang akan kembang di-negeri kita ini, maka kita terpaksa-lah berunding dengan Badan Pelanchong di-Negeri Jepun, kerana saya menengok sendiri, Tuan Yang di-Pertua, daripada Tokyo tiga empat kapal terbang chartered ka-Taiwan dan ka-Macao dan ka-Hongkong dan terus ka-Bali, tetapi ta' singgah di-negeri kita ini oleh kerana kita belum lagi memberi penerangan yang jelas berkenaan dengan kechantekan dan ka-elokkan, kemewahan dan sa-bagai-nya di-negeri kita ini.

Jikalau orang² Jepun itu tahu, saya ingat banyak orang² Jepun datang ka-mari bukan sahaja datang begitu, tetapi akan membeli-belah dan ini akan menguntungkan negara kita. Tadi saya dengar ia-itu daripada pehak parti lawan mengatakan "squatters", tindakan ka-atas squatters ini oleh kerana PATA. Baik ada PATA atau tidak ada PATA kita untuk mengelokkan bandar Kuala Lumpur, maka squatters ini terpaksa kita pindahkan, tetapi kita beri tempat mereka. Dengan sebab itu-lah bukan kerana ada PATA, atau ada pelanchong, maka kita hendak sorokkan, halau orang² ini, tetapi Kerajaan Perikatan ada-lah satu Kerajaan yang menengokkan ra'ayat-nya, sama ada orang China, orang Melayu dan orang India yang menjadi warganegara ini, kita akan layan dengan

baik. Saya, kalau-lah Kerajaan bertindak menghalau orang² ini begitu, saya 'sendiri dalam Perikatan akan menentang dengan sa-penoh²-nya di-atas perkara ini. Tetapi sa-belum PATA ini pun sudah kita pindahkan mereka itu ka-flat atau pun kita beri tanah ka-lain² tempat. Dengan hal yang demikian, saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas Perbadanan Kemajuan Pelanchongan ini. Sekian.

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, there are a few reasons why all these years tourism in Malaysia has not earned the kind of money which we with all our tourist assets ought to have been able to earn.

One of the reasons why we have failed all these years is the fact that some of the people who have been assigned the task of running our tourist industry have not been particularly competent in their work. For instance, the Director General of Tourism was more interested to conduct tours round the world rather than to bring tourists into this country. So I hope one of the things which the new Minister of Tourism would ensure is that the people who are supposed to do their work really do their work.

Secondly, Sir, to bring tourists into this country, it needs a total comprehensive plan. Whilst it may appear easy to just start a tourist industry we must not forget that your international tourists have got the whole world to choose from. Malaysia is not the only country that has got tourist assets. There are many more beautiful countries than Malaysia but Malaysia is not the most ugly country in the world. In fact, if we do our work properly, this is a beautiful country and whatever beauty there is in this country could be made interesting to attract people with money to spend in Malaysia.

We must try to identify the types of tourists that we want to bring to this country. Unless we understand the nature of the tourists that we want to bring in, then I think our vision on what tourism can bring to boost our economy would be hazy and clouded.

Japanese tourists today, as the Honourable speakers over there mentioned earlier, have got the leisure and the affluence now to go round the world and in this connection, there are a few countries which have been able to attract the Japanese and also the Japanese

yen. Now, Malaysia is quite close enough to Japan and if we conduct an aggressive campaign in Japan—and I think the campaign must be conducted in Japan also in addition to what we must do internally—I am confident that we will be able to attract more Japanese yen into Malaysia. At the moment only countries like Hong Kong, Taiwan and Singapore are getting the best from the Japanese.

Now, the other category of tourists we must try to get are the Singaporeans, for instance, people who are now having some leisure and also a measure of affluence. I am not against the internal tourists, our own people, going to East Malaysia. I think that is fine. But in the end it is the foreign exchange that we want to bring into our country that is really the primary, first consideration. Whilst it is useful that more people should visit our own country in East Malaysia, the primary consideration and the first task is to bring the foreign tourists and get the foreign money for our economy. So, for the Singaporeans who want to go to spend money in Johore Bahru or in Malacca, procedures at the Causeway, I think, should be simplified. At the moment it is the reverse. Procedures become more complicated. The queues at the Causeway also get longer and I read in the papers that the Singapore Government, as a result of the immigration formalities at Johore Bahru, is also making the same kind of formalities now on the Singapore side. All these things, I think, make tourism more difficult for both our two countries.

Now, at the internal level, again it is essential that we take a comprehensive approach to our problems. It is no use doing it in bits and pieces. There are many tourist spots in this country. Almost every town in Malaysia, almost every village and kampong in Malaysia is of interest to the foreign tourists. Kuala Lumpur itself—there is history in Kuala Lumpur, the founding of Kuala Lumpur at the confluence of the Gombak and the Klang rivers by Kapitan Yap Ah Loy and all his tin miners who came here, historic incidents which have taken place in Kuala Lumpur, and the historic sites. Yap Ah Loy's own house in the Market Square, which one would have thought the Government would have preserved as a tourist attraction, was torn down with not a single murmur from the Government or

anybody to make way for the Mercantile Bank. That is the kind of destruction which we deliberately do to our historic treasures. I think this stems from the lack of foresight and a lack of appreciation that the multi-cultural assets that we have got in this country are an asset and not a liability and it is the task, if we want to make our country more interesting to the tourists, to exploit all these qualities that we have got: the cultures of the Malay people, the cultures of the Chinese and the Indians in this country. This is "Instant Asia" and I think if we do it on that kind of total comprehensive approach, this should be a very interesting country for many people.

Now, Sir, the Kuala Lumpur Airport itself. For those who have used the Kuala Lumpur Airport—and I have heard many tourists complain—when they come to this Airport the first impression is that this is a magnificent Airport as the planes touch down on the runway. But when they start to walk up the ramp and find themselves waiting for their baggage, when the baggage system does not work, the bag gets stuck inside the conveyor belt and there is a long wait inside there, when they go to the toilet of the \$50 million Airport Building and could not find a single bar of soap to wash their hands or take the sweat off from the tropical heat, then the impression undergoes a change. So these are the little things which I hope the Minister would look into. Then the first impression once you get out of the airport. There is very little to make your tourist interested at the sights that we have got to offer him—not enough posters, not enough information and even the little tourist booth that is inside the airport is empty most of the time. It is altogether a very depressing sight. This is not only at the Kuala Lumpur Airport, but at Penang, Ipoh, Kuching, Sibul—everywhere throughout Malaysia—a total comprehensive approach is essential.

Then, Sir, the rich fauna and the rich flora that we have got in Malaysia. Sir, people go to Japan during the cherry blossom season, the blaze of colours there, all over the mountain ranges. We have got equally beautiful plants in this country, but there is no effort to really go about it in a big way to plant all these flowers or flowering trees on a massive scale in order to enhance the tourist attraction in this country. These are

things which need a long term plan and interest in the job and I am convinced that if you do it properly, there is a lot that this country has got to offer. Thank you very much.

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Pertis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Rang Undang² Perbadanan Kemajuan Pelanchongan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini sa-harus-nya di-kemukakan di-dalam Dewan ini sejak 5 tahun yang lalu tetapi walau bagaimana sa-kali pun saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berusaha bersungguh² menchari jalan untuk memecahkan soalan² kemajuan pelanchongan di-dalam negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan kemajuan² pelanchongan di-negara² di-sekeliling kita umpama-nya Thailand, Indonesia, Philippines dan juga Singapura, maka kita dapati bahawa kita maseh jauh ketinggalan di-belakang. Jadi oleh kerana itu saya sangat²-lah berharap kepada Badan ini manakala telah tertuboh-nya kelak, sa-telah Rang Undang² ini di-sahkan nanti masing² hendaklah berkemas dengan bersungguh² bekerja untuk membawa pelanchong² yang ada di-luar negara kita ini supaya datang ka-Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelanchong² yang akan datang ka-Malaysia kita harus tahu kemahuan² mereka dan bagitu juga mereka yang datang bukan kesemua-nya terdiri daripada orang kaya² atau millionaires. Barangkali ada di-antara mereka yang miskin yang tidak mempunyai wang yang bagitu mewah tetapi berchita² hendak datang juga ka-Malaysia, maka dengan sebab itu Perbadanan ini hendaklah juga bekerja dengan hotel² atau firma² supaya mereka itu mendirikan juga hotel² yang berharga murah, tetapi bersehdan mempunyai layanan² (services) yang memuaskan dan saya perchaya jikalau ada keadaan saperti yang tersebut maka sudah tentu-lah pelanchong² yang datang dari luar negeri gemar datang ka-Malaysia.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pelanchong² dari luar tadi yang datang ka-Malaysia bukan hendak melihat bangunan² yang besar² kerana di-negara mereka mempunyai bangunan yang lebih besar lagi, bukan hendak melihat jalan raya yang chantek, yang besar, kerana di-negara mereka bagitu juga jalan²

raya yang lebih besar dan tempat² kolam berenang yang lebih besar lagi, tetapi mereka itu datang ka-sini ia-lah hendak melihat bagaimana kehidupan ra'ayat² dalam Malaysia umpama-nya mereka hendak pergi ka-Pantai Timor, apa yang mereka hendak melihat di-sana, hendak melihat chara² perusahaan, chara² bagaimana budi bahasa orang² kampung, maka menjadi kewajipan lah kepada Badan ini hendaklah menguruskan supaya di-tengah² kampung² Melayu umpama-nya di-dirikan tempat supaya pelanchong² itu datang bermalam di-sana dan mereka itu dapat bertemu ramah, berchakap² dengan penduduk² luar bandar atau orang² Melayu di-dalam kampung², kalau boleh, biarlah orang² kampung itu buat kenduri panggil mereka datang, makan, dudok bersila, makan dengan tangan. Jadi ini-lah yang mereka berkehendakkan. Mereka datang ka-mari bukanlah tujuan-nya untuk datang hendak menengok bangunan² yang besar dan bagitu juga mereka itu datang tadi hendak melihat macham mana chara² orang menoreh getah. negara kita telah termashhor sa-bagai negara getah. Sa-patut-nya di-situ kita mesti ada juga kompleks di-tengah² kebun getah tadi supaya dapat kita bawa mereka di-tengah² dalam kebun getah tadi melihat bagaimana kuli², orang² yang bekerja di-dalam kebun getah, tempat² sawah dan bagitu juga tempat² lombong. Jadi dengan chara yang demikian saya rasa tentu-lah ada lebih baik lagi daripada kita mendirikan hotel² yang bagitu besar, yang bagitu tinggi di-pelusok ibu kota kita.

Dan bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya pun bagitu juga pernah mendengar daripada pelanchong² yang datang daripada luar berkenaan dengan kemudahan² di-lapangan terbang. Jadi saya berharaplah oleh kerana Yang Berhormat kita Menteri yang mengambil tugas, mengambil alih ini, hendaklah melihat keadaan² di-lapangan terbang.

Saya dua tiga hari yang lepas saya pergi ka-Lapangan Terbang Subang, saya melihat bagaimana pekerja² yang menjalani yang berkenaan dengan tiket dan sa-bagai-nya berbual² sahaja, letak tangan berteleku bagitu, berbual dengan girl friend mereka. Jadi yang orang berbaris² menunggu, jadi kalau macham ini keadaan, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak menarek pelanchong² datang ka-negeri kita, kalau masing² tidak mempunyai tanggungjawab, tidak berminat terhadap

hendak memberikan imej negara kita kepada orang² luar. Tetapi kalau kita pergi ka-negara luar, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah pergi macham di-Amerika dan Jerman, kalau dia lihat kita, dia nampak kita berasa gelisah sahaja, dia datang "may I help you?" dan begitu juga suka dengan rela mereka datang hendak memberi pertolongan, tetapi kedudukan di-sini tidak, berbual dengan girl friend. Jadi saya harap-lah dengan ada-nya Perbadanan ini hendak-lah Perbadanan ini mengambil initiative yang bersungguh².

Di-dalam bandar tadi yang pertama-nya soal pelachor, ini mesti jikalau tidak boleh di-hapuskan, mesti perkara ini mesti-lah diambil berat supaya manakala datang ka-hotel² ada pula orang yang mari tanya hendak itu, hendak ini-kah. Ini mesti-lah diawasi. Dan begitu juga kebersehan dengan kechantean negara kita Malaysia yang penoh dengan hutan² belantara yang begitu juga chantek. Saya tengok banyak hutan² sudah rosak. Umpama-nya di-Templer Park. Dahulu Templer Park chantek, sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, Templer Park itu kita tengok ada pula lombong di-situ, dahulu dengan pokok² yang begitu hijau, pandangan yang berbunga², sekarang tengok² lombong pula di-situ—jadi padang pasir pula. Begitu juga jalan hendak pergi ka-Kuantan, banyak telah rosak. Ini saya berharap Yang Berhormat Menteri supaya mengambil satu perhatian. Tengok Bukit Nenas pun nampak-nya sudah rosak, akhir-nya Bukit Nenas pun habis, jadi saya harap-lah segala hutan² belantara yang chantek² ini kita harap-lah Malaysia ini jangan kelak menjadi padang pasir.

Dan akhir sa-kali, saya suka hendak menarek perhatian berkenaan dengan Genting Highlands, telah banyak tadi orang berchakap berkenaan dengan Genting Highlands dan begitu berchakap berkenaan dengan perkara judi. Saya berkesempatan juga pergi ka-sana melawat Genting Highlands, jadi saya melihat kebanyakan orang² kalau hari minggu di-situ hendak sorong kaki pun tidak boleh, ramai-nya manusia. Apa yang menyebabkan mereka itu pergi ka-sana? Hendak main judi. Dan saya tengok slot meshen itu tadi beratus², boleh jadi ribu. Jadi kalau macham ini keadaan-nya, tambahan pula kalau kita baca dalam surat² khabar ada pula gangster² yang menyekat pelanchong² rampas di-tengah² jalan daripada Genting Highlands naik ka-atas. Jadi kalau macham ini keadaan-nya

tentu-lah akibat yang lebeh burok lagi dan saperti mana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dia telah pun naikkan simpanan \$200 kata-nya, \$200 ini siapa pun boleh chari wang, Tuan Yang di-Pertua, dan dalam sa-minggu bekerja dia akan dapat \$200 simpan di-situ untok pergi bermain. Sa-kurang²-nya \$1.000 mesti ada deposit di-situ. Kita jangan benarkan penduduk² Kuala Lumpur hendak pergi tiap² minggu ka-Genting Highlands ini main judi. Dengan main judi ini tadi banyak kechurian² yang berlaku—motosikal hilang, motokar hilang dan sa-bagai-nya terjadi dalam bandar Kuala Lumpur. Dan kalau hari minggu kita tengok motosikal sahaja bukan main banyak, Tuan Yang di-Pertua, yang pergi ka-Genting Highlands. Kalau macham ini keadaan²-nya, kita hendak menarek pelanchong², tentu-lah kita ta' dapat menarekkan pelanchong². Jadi saya berharap-lah dengan ada badan ini supaya badan ini dapat berusaha bersungguh² menchari orang yang khas-nya mereka² yang akan dudok di-dalam pengarah badan-nya mesti bersungguh² orang yang ada minat, orang yang ada perhubungan dengan kebudayaan, bukan-nya mereka yang dudok di-sini hanya kerana hendak menchari pangkat sahaja kalau macham ini kita ta' dapat, Tuan Yang di-Pertua, menarek pelanchong². Kita ambil-lah mereka yang ada berminat, ada kebolehan kerana perbadanan ini dan perusahaan pelanchongan ini banyak perhubungan, dia ada berhubung dengan kesenian dan sa-bagai-nya, umpama-nya di-dalam hotel² yang besar². Bukan hendak menari sa-tengah bogel, bahkan kita boleh bawa ka-dalam hotel² kebudayaan kita—kita tunjukkan dalam itu. Ini berkehendakkan kepada chara mana-nya pengarah² di-dalam perbadanan ini dapat mengambil daya usaha mereka yang bersungguh². Jadi saya perchaya kalau mereka itu bersungguh² bekerja dengan mempunyai minat, maka sudah tentu-lah bahawa kemajuan perusahaan pelanchongan kita di-masa yang akan datang ada-lah cherah. Terima kaseh.

Puan Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh kepada Rang Undang² Perbadanan Kemajuan Pelanchongan Malaysia yang di-bentangkan dalam Dewan pada hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa Malaysia memang mempunyai kechantean yang samula jadi yang memang menjadi minat

kapada pelanchong² bukan sahaja untuk pelanchong daripada luar negeri bahkan pelanchong² yang ada dalam negeri. Saya hanya hendak mengambil bahagian yang ringkas sahaja di-dalam Rang Undang² ini, ia-itu hendak menegor dalam beberapa perkara yang saya nampak kalau dalam Perbadanan Kemajuan Pelanchongan ini boleh di-ambl peranan oleh sa-tiap warganegara yang ada di-dalam negara kita ini. Jadi walau apa bahagian atau pun lapangan hidup mereka dalam masharakat ini dapat memainkan peranan-nya masing² bagi tujuan yang sama, ia-itu kita tahu sa-bagaimana negara Malaysia kita mempunyai potential² yang baik bagi menarek pelanchong² dan di-situ kita nampak bahawa banyak lagi perkara² yang kurang yang dapat di-baiki terutama sekali pegawai² yang bertanggung-jawab seperti mana Pegawai² Imigereshen, Kastam dan sa-bagai-nya.

Pegawai Imigereshen apa yang saya dapat tahu, ia-itu telah menjadi rungutan daripada pehak pelanchong² yang datang daripada Bangkok ka-Malaysia ini. Mereka singgah di-Seteshen Keretapi Padang Besar di-mana pelanchong² itu atau pun penumpang keretapi itu di-minta turun di-Seteshen Keretapi Padang Besar hanya untuk hendak memereksa Passpot dan Health Certificate. Saya nampak kalau-lah Pegawai Imigereshen kita ini berusaha sedikit sahaja, Dato' Yang di-Pertua, naik keretapi itu untuk memereksa penumpang² jadi-lah. Kita tahu pelanchong² kita ini telah kelesuan sangat, kerana berjalan jauh dan mengambil masa berhari² lama-nya dan mereka itu sa-telah sampai di-minta pula meninggalkan baggage mereka yang begitu banyak di-atas coach keretapi itu untuk turun hanya untuk berjalan di-hadapan pegawai² itu sahaja. Ini telah mendapat rungutan daripada pelanchong² kita. Kalau-lah bagini kata mereka chara-nya Malaysia hendak menarek pelanchong harus sa-kali itu sahaja pelanchong itu dapat menggunakan perkhidmatan keretapi daripada Bangkok ka-Malaysia dan mereka tidak akan mengulangi lagi perjalanan itu. Ini satu chontoh yang kecil sahaja, Dato' Yang di-Pertua, tetapi kata mereka pernah orang daripada Malaysia yang pergi dari Padang Besar pergi ka-Bangkok di-atas coach keretapi apabila mereka sampai di-Haadyai, di-situ Pegawai Imigereshen Thailand sendiri telah menaiki coach keretapi memereksa Passport dan

Health Certificate, ini alang-kah dapat memberi kemudahan kapada mereka itu. Kalau turun meninggalkan coach tentu-lah barang² mereka akan menjadi kehilangan, walau bagaimana rapi-nya Pasokan keselamatan kita menjaga sa-kali pun tentu-lah ada perasaan bimbang kapada mereka² ini. Dan saterus-nya, Dato' Yang di-Pertua, tatkala kita dapati bermacam² masaal di-Lapangan Terbang Subang sahaja tentang peranan Pegawai² Kastam kita. Pernah saya mendapati pada suatu hari, ia-itu orang itu daripada Malaysia pulang menuntut daripada luar negeri hanya membawa beg dan boleh jadi hadiah yang kecil daripada rakan yang belajar sama dengan mereka daripada luar negeri. Buka beg, Pegawai Kastam melihat satu scarf sahaja yang mempunyai lebel "made in Japan" dia telah charge \$80. Ini untuk orang kita yang membawa satu scarf—ta' usah kira yang lain lagi. Berdasarkan kapada apa charges yang sa-bagitu mahal telah di-kenakan. Ini-lah dia kadang² dengan bahasa mereka itu yang kesat dan sa-bagai-nya. Saya rasa perkara pelanchongan dapat di-perbaiki oleh perbadanan ini dan rasa-nya perbadanan ini harus mendapat fikiran² daripada orang ramai bagaimana kita boleh memainkan peranan² yang penting. Terutama sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan perkhidmatan keretapi juga. Kalau siapa-lah melihat perkhidmatan keretapi daripada Butterworth ka-Kuala Lumpur sahaja di-musim chuti sekolah dan di-masa sekolah hendak di-buka. Kita tahu keretapi di-Butterworth sana terpaksa orang yang hendak menghantar anak² mereka menaiki keretapi sahaja terpaksa membeli ia-lah token ticket sa-banyak 10 sen. Orang yang menjual token ticket itu hanya orang itu sahaja yang menjual tiket dan token ticket yang 10 sen itu. Dia tidak memakai punch system, orang sampai tiga empat ratus yang hendak membeli token ticket yang 10 sen itu berasak² telah menjadi kelam-kabut. Saya ta' tahu-lah macham mana gaya-nya, kalau boleh kita tambahkan budak² dua tiga orang untuk menyelenggarakan perkara itu. Ini bukan kata pelanchong, kemudahan orang yang ada dalam negeri kita tidak dapat kita menyelesaikan benda yang sa-bagitu mudah sa-kali, Dato' Yang di-Pertua.

Dan satu perkara saya rasa ini patut-lah saya ka-tengahkan ia-itu bagi pehak bakal² Haji—bakal² Haji yang akan menunaikan

Fardhu Haji ka-Mekah. Kita tahu-lah Dermaga Ayer Dalam di-Butterworth sudah siap telah hampir 3 tahun lama-nya. Bagi pehak UMNO Chawangan Kulim telah menulis kepada pehak yang berkenaan meminta kemudahan² untuk Jema'ah² Haji ini, kalau boleh biar-lah mereka menaiki wharf yang ada di-Butterworth ini daripada mereka itu menyeberangi sa-belah Pulau Pinang itu. Kalau di-katakan pehak Imigereshen ada di-sabelah sana, saya rasa itu perkara yang mudah dapat di-pindahkan-nya sa-belah sini. Beratus² orang seluruh negeri Perak, Kedah, Kelantan dan Trengganu terpaksa menaiki kapal itu di-Pulau Pinang. Orang² yang hendak menghantar Jema'ah Haji terpaksa tinggal kereta² mereka di-Butterworth, berjalan kaki, kata-nya kapal akan berlayar pukul 4.00 petang, jadi sampai pukul 1.00 tengah malam. Alang-kah susah yang menimpa keluarga² menghantar jema'ah² haji tadi. Saya rasa sudah sampai masa-nya bagi pehak Kerajaan kita menimbangkan kemudahan yang akan kita beri bukan kepada pelanchong² luar negeri sahaja, tetapi orang kita yang hendak menunaikan fardhu haji di-beri-lah kemudahan sedikit sahaja didalam hendak menghantar sanak saudara mereka itu.

Dan akhir sa-kali, Dato' Yang di-Pertua, saya tertarek hati ia-itu di-dalam muka 7 bahagian 3, pechahan 6 (2) (a) ia-itu wakil daripada Negeri² di-lantek mendudoki didalam Perbadanan Kemajuan Pelanchongan Malaysia. Saya tidak tahu-lah kalau pelanchong kita ini tidak mendapat sokongan daripada pehak Kerajaan² Negeri tentu-lah tidak dapat berjalan dengan sa-baik²-nya. Saya tahu semua orang kalau kita bersungut atas perkara ini akan menjadi pedeh telinga bagi sa-tengah² pehak, ia-itu kalau kita tengok daripada Perlis sampai ka-Johor sa-panjang² jalan kita dapati tanah² perkuboran—jerat² dan tempat² perkuboran orang² India. Sa-bagaimana kita tahu orang² China memang menghormati kepada orang² yang telah meninggal itu mereka mengadakan tempat² perkebunian yang begitu chantek sa-kali dan di-hiaskan dengan berbagai bentuk rupa. Dan bagi pehak orang Islam tidak kurang juga, kita nampak sa-tengah²-nya telah memagari tanah² perkuboran supaya tidak menyakitkan mata sa-tengah² orang. Tetapi saya perchaya ini tentu-lah tidak akan termasuk dalam hal² yang menjadikan tanggongjawab pelanchong². Tetapi pernah saya melihat tanah² perkuboran orang² India yang

mana tidak sampai 10 ela daripada jalan raya telah di-gunakan untuk membakar mayat²; perasaan ngeri kita melihat-nya. Lalu-lintas telah menjadi kelangkabut kadang² dengan kita tengok perkara yang macham ini boleh berlaku di-hadapan mata kita. Kalau-lah dapat di-beri sedikit perlindungan atau pun tempat crematorium yang baik supaya tidaklah terdedah di-tepi² jalan raya. Saya rasa ini ada-lah perkara² yang akan di-sungutkan oleh pelanchong² nanti, Dato' Yang di-Pertua. Tetapi hak ini ada-lah hak Kerajaan Negeri dan yang berkuasa ia-lah pehak yang berkuasa menjaga hal ehwal tanah² perkuboran dan kalau-lah bagi pehak yang menanam orang² yang mati ini, saya rasa biar-lah jauh sedikit daripada jalan raya kerana beratus² tempat telah di-gunakan—tempat yang chantek², bukit² yang chantek² yang dapat kita usahakan untuk tanaman² bunga² dan kita akan membuatkan holiday resort dan sa-bagai-nya yang telah di-pergunakan untuk menanam orang² yang telah tidak ada lagi di-dunia ini. Jadi dalam perkara ini, saya hanya mengambil kesempatan menyentoh sedikit sahaja dalam perkara ini, kalau-lah tidak boleh di-baikkan perkara ini, saya rasa harus dapat jadi ingatan bagi masa² yang akan datang. Sekian sahaja, Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*)
Mr Speaker, Sir, I shall be very brief. Tourism is a great industry which, if properly run and managed, produces very great results in the international world.

Tourism does not mean merely enlarging and developing the capital town of Kuala Lumpur. It should be expanded to cover other towns like Ipoh. Ipoh no doubt has great potentialities. It has a beautiful hot-water spring at Tambun which is only about four or five miles away from the town, a natural cold-water spring near Tanjong Rambutan, various cave-temples and a beautiful sea near Pangkor Island. All these could be developed but, unfortunately, they are not being developed at the moment.

To make the fullest use, the Ipoh Airport also should be expanded to enable bigger aircraft to land at the Airport. Unlike the Kuala Lumpur Airport, which is about 15 miles away from the town, the Ipoh Airport is only one mile away, and there is no reason why this beautiful Airport cannot be

expanded so as to enable tourists from all parts of the world to land and see this beautiful town.

It is a town which is generally considered to be the cleanest town in the whole of Malaysia. It is a town where people are very hospitable. It is a town where people love peace and harmony. I am sure the Honourable Minister will pay heed to what I have already said and see that something is done to improve the Airport and attract the people to Ipoh. The Government side may not see that Ipoh is so attractive, but the people there are so hospitable and so ready to welcome tourists from all parts of the world, and I hope the Minister will look into it.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): (*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, I would like to add in some of my opinions and observations regarding tourism of this country.

I have had a study of this Bill which is in front of us. I tend to feel that we are over-emphasising on how and in what manner we are going to "sell" tourism without much reference and emphasis on what quality or what sort of tourism industry we are going to "sell"—that is to say, the provision of all the promotion facilities, hotels, transport and communications and what not. But, Sir, we do not pay much reference to what is the ideal tourist promotion of our country which we should get across to the foreigners. I presume, when we talk about foreign tourism besides domestic tourism, the main thing is to attract foreigners to come to our country where they can pay and whereby the foreign exchange could be earned. I would like to say that in some of the South-East Asian countries, because of their intention to get a few quick "bucks", so to say, they tend to fall into a trap by cheaply advertising the country, like one or two countries in South-East Asia where usually men are the main tourist population who visit these places.

Therefore, I submit that we must be selective of what we are going to "sell". That is to say the Australian or the American tourist would not come to Malaysia to enjoy the climate or to see the antiquity of the history of this country or just to frequent places like bars, night-clubs and such places which we can call a "vice". Therefore, in this context, I would say, if we were to promote tourism in this country, we have to

classify and to work on the direction whereby we do not down-grade ourselves to achieve a very cheap name for Malaysia as I have referred to just now. Dato' Yang di-Pertua, I would say that tourists from foreign countries do not just come here to enjoy our beaches or our hill resorts or, as one of the Honourable Members has said, the hot springs, because all these things inevitably could be seen or could be visited in their own countries. Therefore, we have to provide something which is specifically and identically Malaysian.

Therefore I feel that with this Bill coming into force, there must be some provision to build up our tourist assets. Just for instance, in Japan what strikes me very much is that they have renovated their temples, they have painted them up, they have maintained them and they have also collected a certain amount of levy so that they can upkeep all these tourist centres, so to say. At the same time, of course, people do not always come here to see our antiquities or whatever we have of our past. Always we can also build up something of our own time. Then we come to this subject: to build something of our own time, that means to say, our architecture, our mosques, our temples or our offices, and all these things. You have to think of the long-term planning, not to simply say, "Tomorrow is the PATA Conference and I must plan a few tram-cars at Bukit Nanas and plant a few flower pots here and there in the town". I think this is more of a short-term planning, which will eventually be washed away when the Conference is over, when the occasion is over. Therefore, I feel it is just like we go to, say, Japan to see the Japanese ancient temples. Therefore, today also we must build something which reflects all of us, the product of our society and our time. Therefore, I feel that this has also to be looked into, to make something remarkable, of significance, of our times, so that later on people from foreign countries can witness and say, "So this is Malaysia 1972!".

Another point I would like to stress is the facilities at the moment between our neighbouring country, say, for instance, our closest country like Singapore. Europeans, Americans or the Australians, they do not come to this country to see Malaysia, they come to see the entire area. Therefore, a lot of tourists hop into Singapore and if the facilities are not enough for them to extend their tour to

Malaysia, they tend to fly off to Bangkok and then eventually to other places and not within this country at all. Therefore I feel that extra attention has to be looked into to make sure the continuation of the tourist facilities of Singapore, so that when they come to Singapore they can easily hop into a train from Singapore to Kuala Lumpur or the other major cities of our country. Therefore we do not lose that most valuable tourist trade which is now happening in our time.

With these few observations, I would like to end my speech. Thank you very much, Sir.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, taking this opportunity to speak on the Tourist Development Corporation of Malaysia Bill, I wish to bring to the attention of this House, especially to the Honourable Minister concerned, that tourism in Sarawak is comparatively a new thing. There is very great potential in Sarawak, with its picturesque sceneries. People of various cultures and customary practices are living in varied and different types of houses. We have the unique Iban longhouse and the remnants of past cultures. The State Museum is stated to be one of the best in South-East Asia. It is, therefore, Mr Speaker, Sir, a regrettable fact that in the development of tourism in Malaysia, Sarawak was not given a favourable treatment. We need more trained tourist guides, more tourist district centres to give information of local customs and places of interest and to guide tourists to these places. It is another regrettable fact, Mr Speaker, Sir, that like most of its potentials in Sarawak, potentialities for tourism are not properly explored and exploited. No proper information is compiled for the tourists who accidentally come to Sarawak. We have our famous Niah Caves in Sarawak but no amenities are available for the tourists in the nearby town centres. I, therefore, Mr Speaker, Sir, urgently implore the Central Government to look into the development of Sarawak tourist potentials. As soon as this Board is set up, I also ask that at least one member of the Board should come from Sarawak.

Here also, Mr Speaker, Sir, I would like to pass my brief remark on our Muzeum Negara. It is a beautiful building and could be one of the most attractive tourist attractions in Kuala Lumpur, but it is still comparatively empty. I would suggest that

Government should provide more money to the National Muzeum for the purchasing of more interesting articles, such as antiques and curios, to attract more tourists to this new city.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, saya memberi sokongan yang penoh berkenaan dengan Rang Undang² Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan Malaysia yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini. Sa-sunggoh-nya Rang Undang² seperti ini sudah lama di-tunggu oleh ra'ayat dalam negeri ini terutama kepada golongan² yang berminat kepada perusahaan pelan-chongan. Sejak dari tadi, Dato' Yang di-Pertua, sudah banyak shor² dan pandangan² yang di-beri di-dalam Dewan ini dan nampak-nya membena dan bertujuan untuk memajukan perusahaan pelan-chong dalam negeri ini. Mengenai dengan pelan-chongan ini, saya amat tertarek atau pun sama sa-pendapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan bahawa tujuan pelan-chong² datang ka-negeri ini bukan-lah untuk melihat bangunan² yang besar, untuk melihat jalan² raya yang besar dan untuk seronok di-kelab² malam yang penoh dengan berbagai² kenek-matan-nya, kerana saya fikir perkara² yang seperti itu sudah ada di-tempat mereka. Mereka datang ka-sini ia-lah untuk melihat bagaimana kehidupan ra'ayat negeri ini dan sa-kurang²-nya dalam masa mereka melan-chong ka-sini mereka akan mendapat suatu gambaran yang jelas bagaimana chara hidup ra'ayat di-sini.

Dato' Yang di-Pertua, saya berpendapat di-dalam memperbaiki lagi kedudukan pelan-chongan ini ada lebih baik Kerajaan dengan menerusi undang² ini menggalakkan kepada ajensi² yang bukan Kerajaan, atau pun ajensi² Kerajaan sendiri menarek pelan-chong² supaya pergi ka-kawasan² pendalaman, pergi ka-kawasan² yang banyak dapat di-chungkil sejarah² supaya negara kita ini dapat di-sebarkan oleh pelan-chong² tadi apabila mereka balek ka-negeri tempat mereka.

Daripada ramai Ahli² Yang Berhormat yang berchakap di-dalam Dewan ini tidak begitu ramai yang menyentoh tentang per-lunya pelan-chong² di-bawa ka-Pantai² Timor. Kapada saya bukan-lah kerana saya datang dari Pantai Timor, tetapi oleh kerana keadaan alam, keadaan sa-mula jadi yang ada di-Pantai Timor amat-lah sesuai untuk di-beri kerehatan kepada pelan-chong² yang datang

dari jauh, yang begitu penat supaya mereka boleh berishtirehat di-tempat yang memang sesuai, yang sudah pun ada di-sediakan oleh Tuhan Yang Maha Kuasa di-kawasan² Pantai Timor. Kapada pelanchong² yang datang ka-sana mereka boleh rehat dengan tidak ada gangguan, mereka boleh berfikir dengan tenang dan sudah tentu mereka akan mendapat ilham yang baik mengenai keadaan di-dalam negara kita ini. Biar-lah saya sebutkan dua, tiga tempat yang saya agak menarek di-Pantai Timor ia-itu bagi negeri Trengganu, tempat-nya memang mashhor dengan Pantai Chendering sa-hingga ada ahli² yang bijak pandai telah menggubahkan lagu mengenai dengan keelokan Pantai Chendering dan juga satu pulau yang sangat mashhor nama-nya dan pernah di-kunjongi oleh pelawat² atau pelanchong² sama ada dari dalam negeri dan juga luar negeri ia-itu Pulau Perhentian dan juga satu pantai yang terkenal dalam negeri Kelantan di-kenali dengan Pantai Chinta Berahi.

Tuan Yang di-Pertua, tempat² yang saperti ini tentu-lah memberi suatu peluang yang baik bagi pelanchong² menekmati keindahan alam sambil menyedut hawa yang begitu baik, udara yang begitu sehat dan dengan chara yang demikian akan melekat di-kepala mereka suatu perasaan tidak jemu berada di-negeri ini dan mereka akan datang sa-chara berulang² melanchong ka-negara kita ini. Tetapi kalau mereka sentiasa di-tempatkan di-Ibu Kota sudah tentu mereka akan berasa bosan dengan kesejukan² yang ada di-Ibu Kota. Mereka akan rasa gelisah dengan berbagai² chara yang ada di-Ibu Kota yang mereka pernah alami dalam negeri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentoh di-dalam perkara pelanchongan ini ia-itu memandang kapada galakan² yang pernah di-beri kapada pelanchong² nampak-nya sama ada kita ini hendak memberi sa-penoh²-nya mengikut kehendak dia, atau pun itu hanya-lah rekaan kita untuk tujuan² yang lain saperti di-masa yang sudah pernah Kerajaan membuat alasan bahawa kita terpaksa mengadakan tempat judi, konon-nya untuk memberi kepuasan hati kapada pelanchong², sebab ada di-antara pelanchong² ini yang ingin berjudi. Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada juga di-antara pelanchong² ini sa-lain daripada keinginan-nya hendak berjudi, ingin pula kapada kenekmatan yang lain. Jadi,

masaalah kenekmatan ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-tiap manusia yang hidup di-atas muka bumi ini sudah tentu suka kapada perkara ini. Saya khuatir dan bimbang kalau² Kerajaan berfikir sama dengan tempat judi tadi patut juga di-beri satu tempat bagi memuaskan hawa nafsu pelanchong² ini. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sudah tentu badan² atau pun ajensi² yang bukan Kerajaan, untok memajukan pelanchongan, untok menarek minat pelanchong² mereka sudah tentu akan menchari suatu daya penarek.

Wanita ada-lah merupakan suatu gulungan yang boleh menarek lelaki dan chara kebetulan antara wanita dengan lelaki ini memang-lah saperti darah dengan daging, tidak boleh di-pisahkan. Apa yang membimbangkan saya, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi ada di-antara ajensi² yang saya sebutkan tadi akan menggunakan gadis² belasan tahun dan pulohan tahun sa-bagai suatu daya menarek pelanchong² dan di-samping menarek pelanchong² tadi di-usahakan lagi tempat yang elok², tempat² yang enak, di-buat rumah² yang kechil², di-buat bangalow² yang sederhana, maka akan penoh-lah bangalow² tadi dan rumah atau pondok² yang kechil tadi dengan gadis² belasan tahun dan pulohan tahun.

Kira-nya ini berlaku, maka sudah tentu tujuan kita hendak menggalakkan pelanchong datang ka-negeri kita ini melihat keadaan penghidupan ra'ayat, melihat keadaan alam di-sekeliling-nya akan bertukar chorak daripada Ranchangan Pelanchongan ini akan jadi kapada suatu Ranchangan Pelachoran di-dalam tanah ayer kita ini. Kalau ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, maka sudah tentu amat dahshat dan kalau pergolakan politik menyebabkan berlaku-nya Peristiwa 13 Mei maka saya fikir pergolakan pelachoran kalau di-pergalakkan oleh badan² yang hendak menarek pelanchongan tadi, dengan tidak di-kawal dan di-sekat dengan chara Undang² dan Peratoran, maka sudah tentu akan meletus suatu mala-petaka yang tidak dapat di-kawal lagi dalam tanah ayer kita ini berpuncha dari masaalah wanita atau masaalah perempuan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada di-antara Ahli² Yang Berhormat merasa ganjil dengan apa yang saya sebutkan ini, tetapi dari sejarah² yang kita bacha kita tentu-lah meyakini bahawa kadang² sa-saorang pemimpin itu jatuh dari Kerajaan-nya di-sebabkan

wanita. Kadang² negara itu akan jadi hanchor dengan sebab pembawaan wanita. Jadi, apa yang saya bimbangkan, dengan keadaan² yang ada dalam tanah ayer kita sekarang ini, dengan kedudukan bogel ta' bogel-nya, sahingga kita lihat di-dalam Dewan kita ini pun tidak kurang-nya pakaian² yang hampir berbogel masuk ka-Dewan ini maka saya fikir perkara yang saya sebutkan ini tidak-lah begitu mustahil dan sama²-lah kita melihat kalau kita ini di-panjangkan umur. Sekian, terima kasih.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang² yang di-namakan Perbadanan Kemajuan Pelanchongan yang sa-patut-nya kata sahabat² saya tadi dibentangkan dua tiga tahun yang lepas. Sungguh pun demikian, saya ucapkan satinggi² tahniah kepada Menteri yang berkenaan, Menteri Perdagangan dan Perusahaan yang telah mengemukakan Rang Undang² ini. Tetapi yang penting kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah sa-belum kita tergesa² membuat ranchangan², membuat kajian dan sa-bagai-nya, mesti-lah kita memandang kepada prinsip pelanchongan, ia-itu prinsip² yang penting. Saya tidak setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Bungsar tadi, beliau mengatakan kita ta' guna menggalakkan domestic tourist, tetapi yang perlu ia-lah foreign exchange. Ini rasa saya salah kerana prinsip pelanchongan ia-lah menggalakkan ra'ayat terutama-nya berjalan dan dengan itu barangkali akan boleh mengacceleratekan, mengadakan perniagaan² dan perusahaan² yang baharu dan akan dapat memberi kerja kepada ra'ayat. Tetapi dalam itu juga dengan golongan industri pelanchong itu datang juga-lah pelanchong² dari luar negeri, dengan itu dapat-lah kita foreign exchange. Kedua² ini mesti-lah kita samakan. Bahawa yang penting ia-lah kita hendak menggalakkan orang berjalan dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Di-sini juga barangkali perlu di-adakan hotel, perkhidmatan teksi dan lain² lagi.

Pada pandangan saya perbadanan ini sangat-lah penting, sangat-lah mustahak dan di-harapkan kepada Menteri yang berkenaan supaya apabila kita mengambil orang² yang akan berkhidmat dalam Lembaga, pekerja² mesti-lah orang² yang betul² ada berke-mahiran dan berpengalaman dalam perniagaan tourist dan travel ini. Jikalau tidak

mesti-lah akan terjadi sa-bagaimana dalam sa-paroh perbadanan, ma'ana-nya orang bekerja itu "dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang dan sambil itu baca surat khabar" sahaja-lah.

Saya tidak menafikan bahawa barangkali ta' ramai orang ada pengalaman, tetapi saya perchaya kalau di-adakan crash programme dan lain²-nya boleh saya rasa perbadanan ini akan mendapatkan pekerja² yang bijak dalam perkara ini. Saya berharap juga kepada Kerajaan apabila di-tubuhkan Perbadanan ini buat-lah saperti yang telah di-buat di-West Indies, Bahamas mithal-nya bahawa Kerajaan mesti-lah menchurahkan modal melalui perbadanan ini supaya perbadanan ini boleh bergerak bersungguh² untuk membuat ranchangan² bagi pelanchongan.

Di-Bahamas lebih kurang 20 tahun dahulu, Kerajaan sendiri sudah memulakan berkenaan pelanchongan itu, kemudian baharu-lah dari segi swasta (private sector) mengikut-nya. Jadi saya harap-lah kepada Kerajaan, terutama sa-kali kepada Menteri Kewangan supaya memberi pelaburan yang lebih² lagi kepada perbadanan ini.

Saya telah sebutkan juga pada masa yang lepas dalam Dewan ini bahawa yang penting bagi pelanchongan jikalau hendak mendapatkan pelanchong dari luar negeri, ia-lah mengindahkan lagi Kuala Lumpur kerana bila di-tengok peta dunia itu pelanchong² bukan pandang Malaysia, tetapi Kuala Lumpur itu-lah. Macham mana chara-nya kita hendak menarek pelanchong itu ka-Kuala Lumpur. Di-sini telah di-katakan tadi juga berkenaan dengan keadaan Lapangan Terbang Subang, keadaan hotel² dan lain²-nya. Saya harap perbadanan ini akan membuat kajian berkenaan dengan siapa-kah yang sentiasa datang berjalan dari satu negeri ka-satu negeri, sebab pada masa sekarang ini nampak-nya yang banyak menjadi pelanchong ia-lah orang² muda kerana tambang sekarang sangat murah dan juga orang² tua yang kebanyakan-nya sudah penchen datang hendak menengok dunia luar. Dan saya juga tidak bersetuju mengenai kata Ahli Yang Berhormat dari Besut hendak menyediakan pula wanita² kita hendak menjadi sa-bagai pelayan dan sa-bagai-nya untuk melepaskan nafsu pelanchong, kerana pandangan saya, orang dunia sekarang berlainan chorak-nya daripada 10 tahun dahulu. Pada pandangan

saya hendak-lah menjaga akhlak ra'ayat kita dan dengan itu, saya rasa negeri lain pun akan memandang dengan respect lagi kepada orang Malaysia; dengan itu mesti-lah kita menjaga taraf, menjaga akhlak negara kita ini. Saya percaya pelanchong yang ramai datang ia-lah hendak menengok Malaysia, menengok kampung dan menengok keadaan, kesenian dan kebudayaan Malaysia. Saya telah sebutkan pada masa yang lepas bahawa di-Kuala Lumpur ini patut-lah di-adakan satu kompleks kebudayaan untuk supaya orang² yang chuma datang dua tiga hari itu yang ta' sempat hendak melawat tempat² lain boleh-lah dengan serta-merta menengok keadaan kesenian dan kebudayaan Malaysia. Patut-lah pehak perbadanan memberi perkara ini sa-bagai perkara yang priority atau keutamaan.

Kemudian perkara pengangkutan—kalau di-tengok teksi² di-Subang ka-Kuala Lumpur itu sudah tua macham hendak roboh sahaja, pintu-nya macham hendak terbuka. Saya rasa Kerajaan mesti-lah tegas sedikit dalam perkara ini. Jika perkhidmatan teksi, bukan sahaja di-Subang bahkan di-mana sahaja, tidak dapat di-perbetulkan dengan kerana barangkali teksi itu tidak mendapat ke-untungan, Kerajaan mesti-lah memberi insentif² yang lebeh barangkali jangan-lah di-chukai lagi teksi² itu supaya mereka mendapat untung dan dapat memperbaharui teksi²-nya. Jikalau tidak dengan jalan itu, rasa saya perbadanan sendiri mesti-lah meng-adakan taxi service dan lain² lagi. Ini perkara yang penting kerana ramai-lah pelanchong² telah mengatakan bahawa koman sangat-lah taxi service di-sini; pada hal bangunan-nya chantek², Bangunan Parlimen dan bangunan² lain, tetapi apabila naik teksi kata-nya burok sangat.

Di-dalam masalaah pengangkutan ini, baharu dua minggu dahulu saya hendak pergi ka-Fraser's Hill dengan sa-orang tetamu daripada luar negeri—berjalan-lah sampai dekat Kuala Kubu, saya pun pusing ka-kanan hendak naik ka-Fraser's Hill. Maka teman saya pun terperanjat. "Eh, mana tahu pusing ka-kanan?" Saya ta' hairan, kerana saya sudah biasa pusing ka-kanan terus dengan ta' ada panduan, tetapi apabila saya tengok signboard itu rupa-nya bukan main kecil—ia-itu 2 inchi besar-nya di-tulis "Fraser Hill" dan sekian² batu.

Di-sini saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka berkenaan dengan sign² yang besar menunjukkan beberapa simpang ka-mana dan ka-mana dengan chara besar. Pergi ka-Merlimau, pergi sana dan sini. Saya harap-lah kepada Kementerian Kerja Raya dan Kuasa Letrik dan juga pada perbadanan ini, bersama² mengkaji perkara ini supaya signboard² yang besar boleh di-dirikan dan pelanchong² yang akan melawat akan tahu hendak ka-mana dan lain-nya. Ini bukan sahaja bagi pelanchong dari luar negeri, tetapi dalam negeri juga. Kalau kita sendiri pergi ka-Melaka, boleh tahu arah kemana, dari jauh sudah nampak signboard itu. Pada hal rasa saya, kalau saya hendak pergi ka-sabelah utara kadang² hendak pergi ka-Baling, boleh jadi sesat dengan kerana ta' nampak signboard—panduan pergi ka-Baling.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lepas pengangkutan, perkara yang ketiga ia-lah untuk mendirikan motel atau pun lain². Dalam perkara ini jangan-lah perbadanan mithal-nya tergesa² juga membuat satu hotel atau motel dengan berjuta² ringgit dan lain²-nya. Ini memang tidak di-kehendaki oleh pelanchong² pada masa sekarang. Yang di-kehendaki ia-lah kebersehan hotel itu dan layanan, efficiency dan kemas. Itu-lah yang di-kehendaki dan, kalau dapat, murahkan sewa-nya; kalau tidak dapat kita buat bagitu ta' dapat-lah kita hendak menggalakkan memang-lah pelanchong² ta' dapat datang, ra'ayat membuat perniagaan dan perusahaan yang lain terutama sa-kali dari segi cottage industry atau pun perusahaan rumah tangga supaya boleh memberi keuntungan kepada orang² di-luar bandar.

Di-sini saya suka hendak mengeshorkan kepada Kementerian dan kepada perbadanan ini supaya menggalakkan lagi kesenian atau kebudayaan terutama sa-kali berkenaan ukir-mengukir seperti yang ada di-Pulau Bali di-kampung² kita.

Saya tahu di-Negri Sembilan sendiri tiga empat puluh tahun dahulu memang-lah rajin dan pandai orang dalam soal ukir-mengukir, tetapi sekarang nampak-nya telah tidak di-galakkan lagi.

Saya shorkan supaya di-jemput, di-gaji orang² daripada Bali datang ka-kampung² kita dudok di-sana mengajar dan mengeluarkan barang² yang boleh di-beli oleh

pelanchong² dan juga dengan itu meninggi-kan lagi perusahaan ukir-mengukir dan lain²-nya. Termasuk juga-lah perkara² cottage industry yang lain seperti menganyam mengkuang dan lain². Baru² ini mithal-nya di-Wisma Belia, pentadbiran di-sana hendak membeli tikar untuk sa-ratus bilek, tidak ada satu tempat pun yang pentadbiran itu boleh menempahkan tikar itu yang boleh membuat dengan ukoran seperti yang di-kehendaki dan lain²-nya, tidak ada yang sanggup yang hendak membuat-nya. Jadi perkara ini sangat-lah sayang, dan saya harap-lah kepada Perbadanan supaya mengambil tindakan dalam perkara ini.

Di-sini juga saya suka mengshorkan atau pun menasehatkan sedikit kepada Perbadanan atau Kementerian berkenaan dalam perkara pelanchongan bagi Pantai Timor di-Malaysia Barat ia-itu tempat yang indah dan tempat yang chantek dan permai dan lain²-nya. Ramai saya nampak pelanchong² bukan sahaja dari dalam negeri tetapi juga dari Singapura. Kebanyakan-nya tidak ada chukop tempat hendak menginap, dan ada juga yang membawa kemah di-tepi² pantai. Saya harap-lah kepada Perbadanan ini supaya di-jemput travel agency² di-Singapura bersama² mengkaji perkara ini, chara manakah yang baik, apa-kah orang Singapura yang kehendaki di-Pantai Timor supaya perbadanan ini boleh melancarkan-nya. Saya ingat perundingan sa-bagai ini sangat-lah penting dan di-harapkan kepada Kementerian supaya ini di-perbuat dengan sa-chepat mungkin dan apa yang di-kehendaki oleh pelanchong² dari Singapura itu boleh disediakan di-Pantai Timor.

Di-sini juga saya suka mengshorkan kepada Kementerian dan kepada Perbadanan supaya mengambil alih dengan persetujuan Kerajaan² Negeri rumah² rehat atau pun rest² house di-seluruh negara kita ini ia-itu rest² house yang telah tertinggal dan yang tidak di-perbaiki. Ini-lah satu nucleus, yang sa-patut-nya kita perbaiki untuk pelanchong². Saya dengar bahaw ada perbadanan lain ia-itu bertujuan hendak mengambil alih rest² house tetapi saya ingat yang lebih baik ia-lah bagi Perbadanan Kemajuan Pelanchongan mentadbirkan-nya dengan kerana tujuan Perbadanan ini ia-lah menggalakkan perjalanan ra'ayat dan juga orang² dari luar negeri ka-dalam Malaysia ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja-lah yang dapat saya huraikan pada hari ini dan saya ucapkan lagi sa-kali sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan di-harapkan Perbadanan ini akan dapat mencapai tujuan supaya perusahaan ini akan menjadi perusahaan yang sangat² memberi faedah, ia-itu sa-lepas getah dan bijeh timah, mesti-lah pelanchongan akan menjadi perusahaan yang terkemuka. Terima kaseh.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I rise to welcome this move to form this Tourist Corporation. Although it is late, I believe it is better late than never. I believe, Mr Speaker, Sir, that Malaysia has a lot to offer the tourists and we have a lot of tourist attractions.

In fact, although there is a lot of publicity about Hawaii and all that, having been to that country myself and having spoken to many people who have also visited us, it is my firm belief, Mr Speaker, Sir, that here in Malaysia we have far more attractions, far better beaches to offer to tourists than Hawaii or any other South East Asian countries that I know of. But, unfortunately, we have never exploited the possibility and never exploited the position which we are in and until now there has never been any real effort made to attract tourists to this country.

But, having been also abroad and travelled extensively, I have also visited many of our embassies abroad, but unfortunately, Mr Speaker, Sir, although there are pamphlets available at the embassies and there are what you call pictures also in our embassies, but no effort has been made to really propagate and distribute these pamphlets to the people abroad. There has been no effort made also, Mr Speaker, Sir, to ensure that Malaysia is being sold abroad by giving publicity to these countries especially pamphlets distributed in the planes which travel all over the world, in the National Geographical Society magazines and also, perhaps, we should have produced more films about Malaysia to be distributed throughout the world to show the world that we have much to offer here.

Unfortunately, from my own experience, many countries have not even heard about Malaysia, let alone know what we have to

offer. I am sure that, with the formation of this Corporation, if every effort is being made to advertise and sell what we have to offer to tourists in this country, there will be a very strong contingent from all over the world who will make every effort to come to this country, especially since we have one of the cheapest costs of living compared to the other countries especially in Europe or even in Japan today where a tourist has to pay through his nose, but here we know in Malaysia we can still comparatively offer them much cheaper rates and make it worthy of their efforts to come to this country.

Again, Mr Speaker, Sir, I welcome this move to form this Council having representatives from various people, from all walks of life and I hope the Minister responsible for this will not forget the important part which the trade union delegation can play in this and I hope that in this Council a trade union representative will be invited to serve because, I believe, Sir, the trade union movement has got connections all over the world and we can play a part in advertising through our international bodies throughout the world and distribute all these pamphlets to our brothers abroad. I am sure the Government knows that there are many international visitors who come and visit the headquarters of the Malaysian Trade Union Congress and yet no effort has been made to supply the M.T.U.C. with any leaflets about Malaysia, about what the tourists can get in Malaysia for these are only distributed in the big hotels throughout the country I hope that every effort will be made to distribute these pamphlets and films to every organisation we can think of so that if there are any international conferences the visitors will be fully briefed on what they hope to see in this country because many people come and visit only Kuala Lumpur and they think that Malaysia consists of only Kuala Lumpur whereas, I am sure, we have much to offer in Penang, in the East Coast and also our National Park which has not been given enough publicity.

Mr Speaker, Sir, in the past I can remember only one film that was produced in this country that can be considered to be of good standard. That film I remember was "Hang Tuah", but after that I am rather disappointed to find that our local producers produce films that have never been of a very good standard. I hope again that every effort

will be made in this respect to make the film producers make more films about Malaysia because I feel we have enough history and we had enough colour in the past to be able to show to the world that Malaysia is a country which has got also a very colourful history. It is by this method of publicity that we can hope to again publicise Malaysia.

Now we have a lot of films in this country depicting Chinese sword play, depicting the warriors of China and Japan, but I am rather surprised why we cannot produce similar types of films here in this country, which, I am sure, will be very popular not only among the local people, but also among people throughout South East Asia and perhaps also in Europe, because we have the talent and I am sure if concentration is made to make every effort to produce such films, we will also be able to sell Malaysia abroad.

Now, seeing these films we are rather disappointed that although they show only barren mountains and also maybe a few side-tracks here and there, they have received so much response from the public, but I am sure if we were to produce films which can really show the beautiful scenery in Malaysia and we have so much of this countryside to show them, this will again be a greater attraction and it will be more successful than all the other films that are being shown today in this country. I hope this is a point which will be thoroughly gone into because I am sure it is by producing films of this nature that we can publicise and attract tourism to this country because we know that Hawaii is only made to be so colourful through the films produced in America. But if we were to actually visit Hawaii and compare it to what we have here, it is nothing.

Mr Speaker, Sir, I would like to close by saying that this is a very good move and I hope that this will not only be concentrated up to the stage of the PATA Conference and that it is only the beginning. Every effort should be made to promote tourism in this country because tourism is a great foreign exchange earner which we must not overlook and if we were to concentrate more efforts and select the right people to be on this Council, I am sure we will succeed. So I would appeal to the Minister concerned to make sure that when he selects the members of this Council he selects people who have the initiative, who are progressive in thinking

and who have also had the experience of having travelled extensively abroad and who will devote all efforts to make this a great success. Thank you.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I for one support this Bill. However, I would like to make certain observations which will be brief.

Aside from planning to encourage tourism in Malaysia as a whole, Mr Speaker, Sir, particular attention must be given to Penang. As Honourable Members are aware, the economy of Penang is in the doldrums and alternative means of keeping up this economy should be found. One of the best methods of doing this for the State of Penang is tourism as it has greatest tourist potential of all the various States in Malaysia.

Mr Speaker, Sir, many of those concerned with tourism have of late seemed to be having an obsession with casinos, strip-tease shows and massage parlours. However, Mr Speaker, Sir, the licensing and opening of casinos do not bring tourists. If those who are advocating the licensing and opening of casinos and massage parlours are so convinced of their argument that these attractions must be had before the tourists will come in real numbers, then I would suggest very strongly to the Government if at all they are to agree to the licensing and opening of casinos and more massage parlours, then an absolute prohibition be placed on Malaysian citizens frequenting these places or ever getting into them. Those who promote this idea need not worry if they are really convinced in their argument that tourists will frequent these places and will be an attraction to tourists.

Mr Speaker, Sir, as I have said earlier, Penang, of all the States, has the greatest tourist potential and has some of the finest beaches in the country, but sad to say these beaches are slowly getting polluted by oil that is being discharged by ships in the harbour and if nothing is done by the Government, those lovely beaches will soon go the way that the beaches at Port Dickson have gone. Furthermore, Mr Speaker, Sir, along these beaches you find many tourists going either for a sunbath or for a swim, both foreign and local. However there are

no chalets whatsoever along these beaches or kiosks where tourists can, for the payment of a small fee, say, 10 cents or 20 cents, go in for a change. Right now they have to change in the open or behind rocks and forever wondering whether "Peeping Toms" are at work.

Mr Speaker, Sir, we have in Penang a Hill—the Penang Hill—and other hills which are of great attraction to tourists. However, means of going to this hill is by the one-foot string that exists and this causes a lot of inconvenience. Much has been talked previously about a hillroad but nothing has been done. I do not know when this road will materialise, but as things are going it would appear that not much thought is being given to the hillroad. Furthermore, Mr Speaker, Sir, the State Government of Penang, it would appear, is completely incapable of either building the hillroad or the much-talked-about bridge. So I would call on the Central Government to come in and bail out the Penang State Government and build the hillroad for Penang for it not only benefits the State of Penang but it also benefits the whole of Malaysia as it would encourage tourism whereby foreign exchange can be earned.

Today, Mr Speaker, Sir, more and more tourists are coming and as a consequence of their coming, Mr Speaker, Sir, they have to very often visit Immigration Offices and in the State of Penang, Mr Speaker, Sir, the Immigration Office is, to be very polite, dirty. The place is overcrowded, it is dirty, there are insufficient chairs for those who have business, for those who have to go to the Department, to even sit. The building is an old rickety building and it is time that the office be re-sited for the convenience not only of the local population but for the tourists.

Penang, Mr Speaker, Sir, as we all know is slowly but surely dying—its economy, I mean—and soon if nothing is done it will not be noted for being a tourist centre or paradise but more a pensioner's resting place. Today, Mr Speaker, Sir, Penang is not very successful in earning the tourist dollar, and it is sad to see that it is better known, Mr Speaker, Sir, as a State that earns its dollar by its export of skilled and unskilled labour. The Central Government, Mr Speaker, Sir, has a duty to the people of Penang. It owes the people of Penang to help the people of

Penang in this respect, aside from other things, in the field of tourism more than any other State as it has eroded the trade of Penang through the erosion of the free port status and therefore it must find alternative means for the people of Penang.

Tuan Yang di-Pertua: Are you speaking about Penang or only about the Bill?

Tuan Peter Paul Dason: The Bill, Mr Speaker, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: The Bill! Please stick to the subject or sit down.

Tuan Peter Paul Dason: With particular stress on the State of Penang.

Tuan Yang di-Pertua: You must be quick.

Tuan Peter Paul Dason: I am almost finishing, Mr Speaker, Sir. The most important thing for those who are in charge of encouraging tourism, Mr Speaker, Sir, is to go into the core, into the main things that attract the tourists to this country which is our natural beauty, the natural beauty of the place, its people, its colourful citizens and not, as I have said earlier Mr Speaker, Sir, to concentrate on the licensing and opening of casinos.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan banyak terima kasih di-atas berbagai pendapat yang telah di-sampaikan oleh Ahli² Yang Berhormat. Ada-lah mustahil pada fikiran saya bagi saya hendak menjawab begitu banyak butir² yang telah di-keluarkan satu persatu, tetapi saya akan chuba mengambil perkara² yang saya agak penting untuk saya menjawab-nya. Lain² chadangan dan pendapat² yang telah di-kemukakan itu akan saya ambil ingatan untuk di-jalankan oleh Kementerian dan juga untuk di-sampaikan kepada perbadanan ini apabila telah di-tubuhkan dan telah di-jalankan nanti.

Pertama saya suka hendak menjawab beberapa hujah² yang telah mengeritik sa-tengah² pegawai Kerajaan ia-itu Pegawai² Imigreshen, Pegawai² Kastam dan sa-bagai-nya. Saya suka hendak memberi pengakuan di-sini bahawa segala tegoran² itu akan saya sampaikan kepada pihak² yang berkenaan

supaya perkara itu kalau benar-nya berlaku akan di-perbetulkan. Saya sendiri memang memandang berat berkenaan dengan perkara² yang sa-rupa ini kerana untuk kita memajukan pelancongan dalam negara kita ini kita berkehendakkan tiap² sa-orang ra'ayat dalam negeri kita ini memainkan peranan masing². Dan kalau-lah macham pehak Kementerian atau pun perbadanan yang akan di-tubuhkan ini mengambil tindakan umpama-nya untuk memprojekkan imej Malaysia di-luar negeri, tetapi kalau dia sampai di-Lapangan Terbang Subang atau pun di-Pulau Pinang, si-pelanchong itu mendapat layanan yang tidak baik, ini akan merosakkan segala apa yang kita telah chuba menjalankan untuk memprojek imej kita itu. Bagitu juga Pegawai² Kastam dan Pegawai² lain—driver² taxi dan lain². Maka dengan sebab itu dalam ikhtiar kita hendak memajukan pelancongan ini, kita telah chuba menarek berbagai² badan untuk bersama² mengambil bahagian dalam memajukan pelancongan ini dan kita mengambil kesempatan dalam menyediakan Persidangan PATA ini untuk membawa badan² saperti mana badan² taxi, persatuan² hotel, dan juga Kerajaan² Negeri untuk bersama² menchari jalan bagaimana kita boleh mengumpulkan tenaga kita, fikiran kita bagi menjayakan PATA ini sa-bagai satu permulaan. Saya suka tegaskan di-sini, kita bukan-lah hendak menjalankan ikhtiar hanya hendak memajukan negara kita ini untuk PATA bahkan PATA itu akan menjadi satu permulaan bagi kita untuk meletakkan kemajuan pelancongan di-dalam negara kita ini di-tempat yang sesuai. Saya perchaya dan saya yakin sa-lepas PATA nanti, maka nama kita akan bertambah harum lagi di-kalangan pelanchong² di-negara lain dan pada masa itu dengan usaha daripada perbadanan ini nanti dapat-lah kita majukan pelancongan di-negara kita.

Saya suka hendak menjawab tegoran Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Dia telah menyebut dengan menegor berkenaan dengan kemundoran pelancongan di-negeri Melaka. Kalau mundur pelancongan di-negeri Melaka ini bukan salah daripada sa-siapa, bahkan salah itu saya kata kepada orang Melaka sendiri. Kerana sa-lama ini tidak ada orang Melaka yang hendak buat hotel yang bertaraf international di-Melaka itu, chuma yang ada pun rest house sahaja, rest house itu pun di-buat oleh Kerajaan, baharu ini-lah sahaja yang Kerajaan kita hendak tambahkan lagi rest house itu. Tetapi

nasib baik ada sa-orang orang Melayu dari Melaka juga yang baharu² ini telah membuat satu motel of international standard dekat Tanjong Keling sana. Dan saya berharap dengan ada-nya motel yang sa-macam itu dapat-lah kita menjalankan promotional work yang lebeh lagi untuk membawa pelanchong² ka-negeri Melaka itu. Dengan sebab itu, saya katakan jangan-lah kita letakkan kesalahan itu kapada Kerajaan samata² bahkan kita tengok macham di-Kuala Lumpur, Federal Hotel, Hotel Merlin yang mula² chuma ada 140 bilek sahaja, tetapi dengan promotional work yang kita buat sekarang ini pelanchong² datang dan mereka itu sendiri membelanjakan wang yang bagitu banyak untuk membesarkan sampai 400, sampai 500 bilek sekarang ini. Ini hasil daripada siapa, hasil daripada kerja yang kita telah buat. Bagitu juga Federal Hotel dia belanja beberapa juta ringgit untuk menambah bangunan-nya di-Federal Hotel itu. Bagitu juga di-Pulau Pinang beberapa hotel beaches yang akan naik berharga satu dua tiga juta ringgit. Di-Port Dickson pun akan naik; ini semua ia-lah dengan kerana mereka sudah nampak hasil² yang baik daripada promotional work yang kita telah buat itu. Ada banyak chara yang kita hendak buat promotional work ini. Satu jalan macham saya sendiri buat satu lawatan satu bulan. Saya telah melawat 23 buah bandara-nya.

Saya rasa Kerajaan barangkali belanja untuk saya lebeh kurang \$12 ribu, tetapi yang dapat balek daripada perjalanan itu tidak terkira dengan ringgit atau pun sen, kerana apa dengan jalan itu-lah kita akan dapat dari persidangan PATA kita di-Kuala Lumpur sa-kurang²-nya lebeh kurang 1,100 delegates atau wakil yang akan hadir di-Kuala Lumpur ini dan lebeh kurang 650 wakil yang akan hadir di-workshop di-Pulau Pinang dan mereka yang datang itu bukan sa-bagai pelanchong bahkan mereka itu-lah yang akan balek nanti untuk menulis untuk memberitahu berkenaan dengan apa potential yang ada di-dalam Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mithal-nya, dia sebut berkenaan dengan filem. Kita buat filem, bukan ta'buat. Saya sendiri hari itu bawa filem atas Malaysia dan lain² banyak lagi filem yang kita hantar ka-embassy² kita di-merata tempat untuk di-tunjukkan, tetapi bukan semua orang yang boleh tahu Malaysia. Kalau satu negeri itu

dia hendak mashhor, dia boleh mashhor, kalau-lah mithal-nya kita ada peperangan. Mithal-nya, kalau ada peperangan besar di-Malaysia ini kita akan jadi famous. Macham sekarang ini siapa yang ta'tahu Saigon, siapa yang ta'tahu Vietnam. Yang tahu fasal apa? Yang mereka itu tahu Vietnam fasal apa? Ada peperangan di-sana. Kita kalau ada earthquake tiap² satu bulan, kita ada earthquake mati dua tiga ribu orang, lagi famous negeri kita. Jadi ada chara-nya macham² yang hendak jadi famous. Tetapi kita ini kita ta'buat chara itu. Kita buat chara filem dan pamphlet². Chara² lain pun kita jalankan. Bukan ta'jalan, tinggal lagi kita tidak boleh harap kerja ini hanya kapada Kerajaan sahaja.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sebut kapada saya, mithal-nya dia berkehendakkan wakil trade union dudok dalam Council yang kita akan lantek. Trade union boleh main banyak peranan. Dia boleh organise holidays kapada workers-nya, kapada ahli²-nya, hantarkan sa-bagai internal tourists untuk memajukan tourism dalam negeri, tetapi malang-nya trade union dalam negeri kita ini tidak buat macham itu. Dia tahu bising sahaja. Jadi, ini saya harap trade union kita di-sini akan lebeh conscious berkenaan dengan promotion of tourism particularly domestic tourism. Dan satu lagi perkara yang saya minta sokongan daripada Ahli² Yang Berhormat nanti ia-lah berkenaan belanja untuk overseas promotion bagi Department of Tourism. Dalam Kementerian saya hanya \$0.83 juta jadi \$830 ribu lebeh kurang peruntukan bagi satu tahun. Singapura belanja \$3.8 juta. Tetapi sunggoh pun kita belanja \$0.83 juta sahaja dan Singapura belanja \$3.8 juta, hotel kita belum lagi kosong. Hotel kita boleh di-katakan tiap² hari penoh orang dudok. Tidak saperti sa-tengah² hotel yang dia belanja bagitu banyak dia mempunyai occupancy rate barangkali 20 peratus, 15 peratus sahaja. Betul ada banyak hotel, tetapi orang ta' pergi. Jadi pendek kata kita ada potential yang banyak, tinggal lagi kita mesti bekerja dan jangan kita harap, jangan kita letakkan tanggung-jawab itu kapada Kerajaan sahaja dan kapada saya. Bahkan dalam Constitution kita pelanchongan itu ia-lah concurrent subject, bukan tanggung-jawab Kementerian atau pun Kerajaan Pusat sahaja. Itu untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Betong. Ahli Yang Berhormat dari Betong kata kita ta' beri layanan kapada Sarawak. Bukan

ta' bagi, kita bagi semua sa-kali, tetapi tanggung-jawab itu mesti sama banyak dipikul oleh Kerajaan Negeri itu sendiri. Dia mesti ada State Tourist Promotion Officer-nya sendiri yang di-bayar gaji oleh Kerajaan itu. Mithal-nya negeri Pahang dia ada State Tourist Promotion Officer, dia ada pejabat-nya, dia buat bagitu banyak dan belanja bagitu banyak. Sabah pun bagitu, dia belanja bagitu banyak untuk memajukan tourism, kerana dia tahu apa hasil yang boleh didapati daripada tourism. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Betong, dia dapat balek influence Sarawak Government boleh belanja bagitu, saya perchaya Sarawak akan maju lagi.

Ahli Yang Berhormat kalau ta' salah ingatan saya dari Sitiawan, dia berchakap khas-nya berkenaan dengan Pulau Pangkor. Saya suka hendak beritahu kepada dia Kerajaan kita memang memberi perhatian yang khas berkenaan dengan kemajuan di-Pulau Pangkor itu dan kita ada plan untuk mengadakan coastal highway di-kawasan² itu dan kita harap apabila ada coastal highway tempat itu akan dapat di-majukan lagi. Dan ada juga dalam rancangan kita ini hendak membesarkan landing strip di-Sitiawan itu supaya dapat dari situ pelancong² daripada Kuala Lumpur dan daripada lain² tempat datang dengan Fokker Friendship untuk mendarat di-Sitiawan itu. Daripada situ boleh pergi ka-Pulau Pangkor.

I would like to reply to the Honourable Member for Padawan. He suggested that we should try to promote internal tourism in a regional way. This is exactly what we have been trying to do. In fact, for the information of the Honourable Member, I have tried to get the three States in the East Coast of West Malaysia, for example—Pahang, Kelantan and Trengganu—to get together and see how to promote regional tourism in those three States; and I am very happy that there are some enterprising Kelantan people who have taken the initiative to start a motel, for example, in the "Beach of Passionate Love" or the "Pantai Chinta Berahi". Now, because there is a motel in Pantai Chinta Berahi, we ourselves or the Department of Tourism of my Ministry have built a motel in Kuala Trengganu. Now, with these two motels of fairly good standard, we will be able to promote more tourism into these two States of Trengganu and Kelantan. Pahang is coming up very fast. There is going to be a

first-class hotel very soon in Kuantan. I am sure with these projects coming up, we will be able to get more tourists to come to the East Coast of West Malaysia.

The question of transport is very important. I am sure that once we have MAS, our own Malaysian Airways System, in operation, we will be able to promote more internal tourism especially between East and West Malaysia. We hope there is no necessity for people from Kuching to stop anywhere en route from Kuching to Kuala Lumpur. We hope there will be direct services between Kuching and Kuala Lumpur and in this way we can help to promote more internal tourism between East and West Malaysia.

Sa-lain daripada itu, saya suka sa-bagai penutup, hendak menjawab berkenaan dengan tegoran daripada apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rawang berkenaan dengan tanda² papan. Saya pun ahli nationalist tetapi saya rasa di-tempat² yang "of international interest to the tourist, of interest to international tourists", kita janganlah extremist sangat dalam fikiran kita, bahkan saya suka melihat di-tempat² yang penting kita adakan tulisan dalam dua bahasa untuk memberi kesenangan kepada pelancong² yang datang ka-negeri kita.

Dalam hal ini saya suka hendak memberi satu chontoh macham di-negeri Kedah ada Rest House di-Alor Star. Kerajaan Negeri tahu banyak orang yang datang ka-Rest House itu ia-lah orang Siam, daripada Thailand. Dengan sebab itu, mereka ada sign board dalam bahasa Malaysia, dalam bahasa Inggeris dan juga dalam bahasa Siam—dalam bahasa Thai.

Bagitu juga mithal-nya kita ada aquarium kita di-Pulau Pinang. Saya harap satu masa nanti kita boleh tulis bukan sahaja aquarium itu dalam bahasa Malaysia bahkan dalam bahasa Inggeris atau pun kalau banyak orang Jepun datang pula nanti, kita taroh dalam bahasa Jepun sama. Sekarang ini mithal-nya "Tourist Association of Kuala Lumpur" sudah pun mengambil tindakan bagi melateh pemandu² atau pun tourist guides dalam bahasa Jepun, kerana sa-belum kita membuat sa-suatu kita mesti prepare ourselves. Mesti kita sediakan diri kita. Jadi, kita harap sambil kita membuat promotional effort itu

kita mesti sediakan diri kita dengan berbagai² persediaan supaya dapat kita menerima pelanchong² itu dengan memuaskan mereka itu.

Jadi, berkenaan dengan tegoran fasal keretapi tadi, Yang Berhormat rakan saya Menteri Perhubungan telah dengar. Saya harap dia akan ambil tindakan berkenaan dengan Subang Airport, yang di-dapati beganya lambat dan sa-bagai-nya. Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah dengar dan saya harap dia akan mengambil tindakan untuk menyenangkan pelanchong² kita.

I think that is about all that I have to reply. Once again I might say thank you very much for your constructive suggestions which I would note and where appropriate I will take action.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 22 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PERBADANAN) LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, untuk mempercepatkan lagi kadar perkembangan perusahaan di-negeri ini, ada-lah di-anggap perlu di-adakan satu kerjasama yang erat dan saling mengerti di-antara jabatan² dan pertubohan² yang mempunyai

perhubungan dengan perkembangan perusahaan di-negeri ini. Ada-lah juga di-fikirkan lebeh lagi berfaedah bagi di-adakan penyelesaian di-dalam tugas² jabatan² dan pertubohan² itu ka-araf satu tujuan yang sama. Dari penyelidekan² yang di-lakukan sa-lama ini ada-lah di-dapati bahawa penyatuan tugas² Lembaga Penasihat Tarif (Tariff Advisory Board) dan tugas² yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atau FIDA ada-lah penting bagi melichinkan lagi perkembangan² perusahaan di-Malaysia. Satu pengkajian yang teliti dan mendalam telah di-buat oleh Kementerian saya dengan tujuan menyemak sa-mula tugas² yang di-lakukan oleh Lembaga Penasihat Tarif dan tugas² Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan untuk menyatukan dan menyelaraskan tugas² kedua² badan tersebut bersesuaian dengan maksud² untuk menchapai tujuan saperti yang saya katakan tadi.

Dari kajian² tersebut beberapa kesimpulan telah di-dapati yang mana di-antara-nya ada-lah:

- (a) bahawa Lembaga Penasihat Tarif ada-lah di-tubuhkan terbit dari langkah² penyatuan di-antara Singapura dan Malaysia dahulu. Oleh kerana perpisahan Singapura dari Malaysia, keadaan ekonomi dan politik yang membawa kepada tertuboh-nya Lembaga tersebut ada-lah tidak lagi sesuai dengan keadaan di-masa ini.
- (b) bahawa Lembaga Penasihat Tarif bukan-lah lagi merupakan satu badan yang dapat menggalak dan mempercepatkan kadar perkembangan perusahaan di-negara ini.
- (c) bahawa kaedah² yang di-lakukan oleh Lembaga tersebut menyebabkan berlaku-nya kerja² yang berlipat ganda.
- (d) bahawa satu sistem yang berupa "public enquiry" mesti-lah di-teruskan bagi faedah ra'ayat am-nya.

Tuan Speaker, memandangkan kepada alasan² yang di-dapati di-atas tadi, ada-lah di-anggap perlu supaya Lembaga Penasihat Tarif itu di-mansokhkan dan sa-bagai pengganti-nya di-tubuhkan satu Jawatan-kuasa Penasihat Tarif (Tariff Advisory Committee) yang akan mengambil alih segala tugas² yang di-jalankan oleh Lembaga tersebut dan

sekarang tugas² Jawatan-kuasa Penasihat Tarif itu ia-lah hanya untuk membuat kajian² dan ulasan² ka-atas permohonan² untuk mendapatkan perlindungan tarif. Ahli² Jawatan-kuasa Penasihat Tarif ini akan mengandongi sa-orang Pengerusi dan pegawai² kanan yang mewakili Perbendaharaan. Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan dua orang wakil daripada Bahagian Swasta yang akan di-pilih daripada satu panel. Jawatan-kuasa ini ada-lah di-beri kuasa untuk melakukan penyelidikan² atau "enquiry" sama ada di-khalayak ramai atau pun sa-chara tertutup mengikut masa² satu chara yang sesuai atau pun apabila di-arahkan oleh Menteri yang berkenaan.

Di-samping itu sa-buah Jawatan-kuasa yang di-namakan Jawatan-kuasa Khas Berkenaan dengan Tarif akan di-tubuhkan yang mana ahli²-nya akan di-pilih daripada ahli² Jawatan-kuasa Penasihat Tarif. Jawatan-kuasa ini akan mengandongi Pengerusi yang juga menjadi Pengerusi Jawatan-kuasa Penasihat Tarif, wakil dari Perbendaharaan, wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan wakil dari Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan.

Dengan pindaan yang di-chadangkan itu, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan sekarang akan di-lantek sa-bagai Pengerusi kepada Jawatan-kuasa Penasihat Tarif. Kakitangan² dan pegawai² Lembaga Penasihat Tarif (TAB) yang terdapat sekarang akan menjadi kakitangan² dan pegawai² Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan. Sementara itu per-untukan² undang² yang sesuai untuk penubuhan Jawatan-kuasa Penasihat Tarif (TAC) dan Jawatan-kuasa Khas Berkenaan Tarif (SACT) akan di-satukan di-bawah undang² Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA).

Ini-lah sa-chara ringkas-nya pindaan² Rang Undang² yang di-chadangkan itu. Kerajaan ada-lah sentiasa berusaha terus untuk membuktikan hasrat-nya bagi meniggikan lagi kadar perkembangan perusahaan di-negeri ini. Ada-lah di-harapkan bahawa pehak swasta juga akan bergiat sa-jajar dengan usaha² Kerajaan dalam penyer-taan-nya supaya dengan langkah² yang di-ambil itu dasar menggalakkan lebih banyak lagi penanaman modal di-negara kita akan berjaya dengan sa-penoh-nya.

Dengan itu, saya mempunyai penoh ke-perchayaan bahawa Rang Undang² ini akan di-luluskan dengan sa-bulat suara oleh Dewan ini. Terima kaseh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timor): (Dengan izin) We understand the purpose of this Bill is to set up a Tariff Advisory Board to protect and promote industries in this country, industries which are required to prevent unemployment and provide jobs for the people. The idea is good, but let me warn that this is a double edged weapon and unless it is dealt with care and expertise a lot of people may get hurt in the event.

As I was coming this afternoon to Parliament House, an old man, a one-legged man, met me outside and complained to me that he was very troubled by the rising cost of food in this country, milk for his grandchildren and sugar—these are consumer goods which, he said, were much cheaper before industries were ever started in this country. Now this is the opinion and the voice of the ordinary man in the street. This story is not made up by me. There are witnesses to that. I am quite sure he approached quite a number of us while we were coming into this Parliament Building. It goes to say that unless tariffs are imposed with care the consumers, the people in this country, will be the ones who will feel the pinch and who suffer.

We do not oppose industries being set up to give employment to our youths. We agree with that, but at the same time I think the goods produced by these factories must be of sufficient standard and quality and of a reasonable price so that it does not affect the pockets of the poor. Now should these tariffs be imposed with the sole purpose to protect the pockets of the rich, of the industrialists who earn fantastic profits at the expense of the ra'ayat? So unless these tariffs are imposed with great care and with great consideration for the poor, for the rubber tappers who only earn somewhere between \$1 or \$2 now and the other labourers, I think we are heading for a lot of problems. The rising voice of the discontented will become louder and louder because the money which they earn cannot purchase what they could

purchase before. Also if we keep on over-protecting our industries, molly-coddling them, over-protecting them under the skirts of the Alliance, I think the products which they produce will become inferior compared with the products produced by factories in other countries because under the cover of high tariffs these people churn out inferior products, which are completely unacceptable in the international markets. So not only are we condemning our poor people to high cost of goods but we are also condemning our products in that they cannot compete despite whatever promotional efforts Malaysia may have in other countries. So we must make sure that while we impose tariffs, we must also insist that the goods which come out of these factories must be of international standard so that they can be exported and the concessions which these companies enjoy are really used for that purpose—to provide employment for unemployed, provide cheap quality goods for our people and to earn foreign exchange for this country. Thank you, Mr Speaker.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sa-penoh²-nya di-atas Rang Undang² ini, oleh kerana jika tidak ada tariff protection di-beri kepada kilang² kita, kilang² kita tidak dapat berjalan, oleh kerana competition daripada luar negeri—barang² luar negeri. Jika competition daripada luar negeri ini terjadi, maka tentu-lah kilang² yang di-modali oleh bangsa Malaysia, atau pun joint venture dengan bangsa asing tutup. Jikalau kilang² ini tutup, maka tentu sa-kali pekerja² kita ta' dapat bekerja lagi.

Tetapi di-adakan tarif ini macham mana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban tadi untuk menguntungkan kepada pemodal², dan untuk mendapatkan keuntungan lebeh, ini tidak-lah patut. Maka dengan sebab itu Kerajaan untuk mengadakan tariff protection ini mesti-lah berhati², menengokkan supaya tidak tersentuh kepada kemerosotan pendapatan ra'ayat nanti.

Jikalau kita tidak mengadakan tarif² ini, saya perchaya negeri² asing akan melonggok barang²-nya masuk ka-negeri kita ini. Jika longgokan barang² ini banyak, maka tentu sa-kali-lah kaum² pemodal daripada luar negeri tidak akan menanam modal di-negeri kita. Dengan sebab itu, saya sa-bagai orang Malaysia dan bumiputra negeri

ini juga memikirkan jika ada tarif ini adalah satu protection kepada orang Malaysia atau pemodal Malaysia atau pemodal bangsa asing yang ada joint venture di-negeri ini untuk menanam modal ini.

Kedua sa-bagai bumiputra yang menanam modal dalam perusahaan² kita berkehendakkan tariff protection oleh kerana jika ada tariff protection ini maka bumiputra yang baharu hendak masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan bukan sahaja bumiputra bahkan juga orang² Malaysia yang ada berwang ringgit sedikit sa-banyak menanam modal-nya, atau membeli saham, menanam modal dalam satu² perusahaan akan beruntong. Oleh kerana untuk menjaga itu tadi, maka saya sokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini. Terima kasih.

PENANGGOHAN

Usul

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan supaya meshuarat ini di-tanggohkan sekarang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN² PENANGGOHAN

KERUNTOHAN TANAH DI-TELOK ANSON

Tuan Chan Fu King (Telok Anson): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to speak this evening on the subject of soil erosion in my Constituency of Telok Anson. This is a matter of urgent public importance which must be looked into by the Government right now if this town of more than 70,000 people is to be saved. This matter has been brought up in the past in the Telok Anson Town Council, the Perak State Assembly and Parliament, but nothing concrete had come out of the so-called discussions. The deliberations appeared to be more slogan-shouting but no action has been taken.

The fast moving Perak River is slowly but gradually eroding the town, threatening great loss of property and damage to the people of Telok Anson. It is to be deplored that up-to-date the Government has not taken any concrete action to stop this erosion and to prevent imminent destruction. It is no exaggeration to say that the people are living in fear or trepidation in the wake of imminent disasters which will occur if Governmental action is not taken in time.

The town of Telok Anson is situated in the district of Lower Perak, which is one of the largest districts of West Malaysia and with three Parliamentary Constituencies. Surely some sort of action must be taken befitting the status of the town which is the traditional seat of the Raja Muda of Perak and the third largest town in Perak. Mr Speaker, Sir, I mention this just to impress upon this House the importance of this subject and to request the Minister concerned to give his immediate attention to this matter. What is highly regrettable to note is the fact that since the attainment of Merdeka, nothing has been done to improve the town and the general welfare of the people. As a result, the Perak River has been left to create havoc. Unemployment rate is extremely high in this area as there are no new factories and industries to provide jobs to the people.

I am glad that a new hospital is going to be built in Telok Anson because the site on which the present hospital is situated has been eroded away. But this is not good enough. Building a new hospital in a town which has itself been eroded away is short-sighted unless something is done to save the town itself from disappearing altogether.

I therefore once again wish to make the urgent appeal to this House to seek your concern on this matter, with the view that the Government would act fast to save this town. It seems strange and one wonders why such a serious matter which affects the lives of the people and Government property has not been included in the Second Malaysia Plan for a solution. Thank you.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat sa-bentar tadi bukan-lah perkara baharu. Kerajaan Negeri dan Kerajaan

Pusat memang sedar atas kejadian ini dan tidak-lah berdiam diri sahaja. Barangkali Ahli² Yang Berhormat maseh ingat bahawa dalam bulan Julai lepas saya telah menjawab satu soalan daripada Yang Berhormat Tuan Chan Fu King berkenaan dengan masalah hakisan di-Telok Anson ini. Sa-waktu itu saya telah menerangkan bahawa dalam tahun 1967 satu laporan yang di-sediakan oleh sa-orang pakar dari Station Penyelidikan Hydrolic, Wellingford, England, telah di-terima dan di-edarkan kapada Kerajaan Negeri Perak untuk di-kaji dan di-timbangan.

Kerajaan Negeri Perak telah menubuhkan satu Jawatan-kuasa dalam tahun 1968 dan Jawatan-kuasa ini telah berpendapat bahawa belanja untuk melaksanakan kerja² yang di-shorkan dalam laporan tersebut ia-lah sabanyak, \$12 juta. Ini ada-lah di-dapati amat tinggi kerana kerja² yang akan di-bena itu tidak pula akan menjamin yang hakisan dapat di-chegah dengan sa-penoh²-nya. Oleh itu Kerajaan Negeri berpendapat tidak menasabah untuk melaksanakan kerja² yang di-shorkan itu.

Pada hari ini perbelanjaan \$12 juta ini tidak lagi menchukopi kerana harga barang² telah meningkat tinggi. Ada-lah di-anggar-kan bahawa \$15 juta akan di-kehendaki jikalau kerja² itu hendak di-laksanakan. Menimbangan perbelanjaan yang begitu besar Kerajaan Negeri Perak sa-terus-nya telah mengambil kesempatan untuk meng-kaji ranchangan² yang lebeh perektik yang tidak melibatkan perbelanjaan yang banyak. Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatan-kuasa bersama ia-itu terdiri dari pegawai² dari Kerajaan Negeri dan pegawai² Kerajaan Pusat termasuk pegawai Bahagian Peranchang Ekonomi. Saya telah di-beri tahu oleh Kerajaan Negeri bahawa oleh kerana beberapa tugas lain yang mendesak Jawatan-kuasa ini belum dapat lagi membuat satu² shor² untuk di-kemukakan kapada Kerajaan.

MUHIBBAH

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, Goodwill is a thing of the mind and of the heart. Where there is no Goodwill, a mental revolution is essential by all concerned to give it birth. However, by virtue of existing

circumstances in our country, those who hold the reins of Government are in the best position to plant the seeds of Goodwill among the people, and nurture its growth with constant care in the form of deeds, not words.

Goodwill cannot come about with mere lip service. So-called Goodwill parties are of little real value. It is gratifying, Sir, to note that these artificial get-togethers are almost things of the past. They smack of official direction of a kind which has made attendance highly non-spontaneous.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Could you please speak a little slowly? I have got a signal.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Goodwill should be allowed to grow with practical encouragement, by dint of example, but not imposed upon our people unsupported by deeds. For obvious reasons, Sir, Government servants, especially those at ground level who come into constant contact with the people in their daily lives, must set the pace. Official propaganda, Sir, and Goodwill eat-ins are farcical in the eyes of the people who suffer discourtesy and insolence at the hands of these Government servants. In the context of Official efforts to promote Goodwill, the people would only regard the Government as a crab which tells its young to walk a proper gait—ketam menyuruhkan anak-nya berjalan betul.

Police personnel, Sir, have a vast potential which has yet to be fully explored and exploited to spread Goodwill. Two days ago I was in Petaling Jaya, which to my mind has the worst imaginable system of numbering her sections and streets, apparently designed to confuse and confound anyone who wishes to find a given address within that unholy maze. Sir, I was lost for one whole hour, and was about to give up understanding a map by the roadside when a humble uniformed Police Constable rode up on his bicycle and gave me very valuable directions. We could do with more of this. Goodwill is nurtured by simple acts of kindness such as this.

On the other hand, a single thoughtless act of one Police Constable on duty will smear an entire local contingent with an unwholesome reputation. I refer to a recent incident

in Sitiawan, Sir, when an illiterate hawker was openly assaulted by just such a Police Constable. I have on a previous occasion already acquainted this House with details of this incident, which I shall not repeat. Suffice it to say, Sir, that a single proverbial muddy buffalo besmeared the rest—sa-ekor kerbau membawa lumpor, semua-nya terpalit. Sir, Goodwill will not come about at all, let alone flourish, if such incidents are allowed to continue, and the unhealthy impression left behind thereby is not promptly removed.

The Armed Forces, too, Sir, are in a remarkable position to help the progress of Goodwill. Let us take a look at another recent undesirable incident. It involved fishermen and Naval personnel near Pulau Pangkor, Sitiawan. On the 11th December 1971, a fishing boat was stopped and boarded by six Naval personnel, whilst out at sea, at night. For no apparent reason, Sir, these Naval personnel, all uniformed, armed and wore masks, assaulted four of the defenceless fishermen before departing in their patrol boat. A magnificent opportunity to do their bit for Goodwill has been lost. One more blow has been struck in favour of the forces of evil and ill-will.

Sir, perhaps it is time to voice the suggestion that for too long now, that vast reservoir of ideas—the Opposition—has not been tapped. There can be no justification, Sir, to regard Goodwill as a Government preserve. The Opposition is just as interested and concerned about the growth of this precious commodity. We are only too glad, Sir, to lend a hand if invited to contribute ideas.

And what about the Balai Muhibbah? It reads far too much like a Government propaganda organ. There has been a dearth of articles written by elected members of the Opposition and by non-political prominent members of the public who enjoy confidence from the public. Often, Sir, apart from the Editorial, the rest of the periodical is of little practical value to the cause of Goodwill. I would appeal to those who manage it to rectify this unsatisfactory situation, in order to encourage a wider readership and perhaps to enhance its influence.

Earlier, Sir, I have said that the Government was in the best position to promote Goodwill. Nowhere is this more true in its

sphere of activities in relation to Government housing projects. Even as I speak, Sir, there is in existence in Sitiawan a project to provide for Government servants of one ethnic origin only. This, Sir, I say, is thoroughly against the tide of Goodwill which the Government has recognised as of such importance as to merit the appointment of a full-fledged Minister to look after. Projects such as this must be reversed or modified, lest irresponsible elements use them to lay the ugly charge of communalism against the Government, and also thus make a mockery of its efforts to foster Goodwill.

Sir, there are other examples galore of gross derelictions of duty by Government servants. Admittedly, these wayward personnel are in the minority, but if these are not watched over, their numbers will surely increase. Then, Sir, we shall all have to regretfully kiss Goodwill goodbye, and National Unity too, together with the newly appointed Honourable Minister in charge.

In conclusion, Sir, let me not be misunderstood. I welcome the appointment of the Honourable Minister of National Unity who has been charged with responsibility for Goodwill. So much emphasis has been placed on Youth these days, that one is very apt to forget the value of maturity and wisdom gained through human experience and age. In closing, therefore, permit me to commend what I have briefly touched upon of a vast subject for the Honourable Minister's consideration. It is hoped Sir, that he will use to the full the powers invested in him, tempered with the mature judgement

which is his, for the cause of Goodwill and National Unity. Thank you, Sir.

Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan): (*Dengan izin*) I would like to thank the Honourable Member for the sentiments he has expressed. As we are both aware, it is hardly a week since I have been given the responsibility of this particular Ministership and I shall assure him that I will try my best to do what can be done in the interest of justice, goodwill and unity of the nation.

We stand today at a very important period in history and the need for us to succeed is all the more important. In this I shall count upon my friends of both sides of the House to give me their fullest support and help in achieving what is really a common objective. I shall call upon them at any time that is convenient to me and to them and they will find that I am amenable to good ideas so that this objective shall not be lost.

Therefore, I thank him again for the words of welcome he has given to me and I assure again that we on the Government side are extremely keen to do what we think is historically necessary and this task we shall all accomplish with goodwill and largeness of heart. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.45 petang.